

**LEMBAGA TABUNG HAJI**  
Laporan Tahunan **TABUNG HAJI 2011** Annual Report



Dengan komitmen untuk memberikan khidmat yang berkualiti dan berintegriti, Lembaga Tabung Haji (*TH*) terus menggilap dan membentuk budaya amalan berprestasi tinggi dengan menzahirkan pencapaian cemerlang dalam setiap sudut operasi. Seperti sebutir berlian yang berkilau di bawah sinaran cahaya, *TH* bergemerlapan dengan sokongan dan komitmen jitu dari pelbagai pihak dalam perjalanan usahanya. Kami mengambil peluang ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak berkepentingan dan pada masa yang sama menyampaikan sorotan kualiti kecemerlangan yang ingin kamikekalkan.

Committed to delivering with Quality and Integrity, Lembaga Tabung Haji (*TH*) continuously polishes and shapes a high performance culture by illuminating excellence from every facet of our operations. Just as a diamond sparkles in the light, *TH* shines with the support and commitment of many in our progressive journey. We take this opportunity to thank our stakeholders as we highlight the many qualities of excellence we intend to maintain and sustain.



**Bersyukurlah** dengan apa yang kita ada. InsyaAllah kita akan memperolehi lebih banyak kenikmatan. Jangan terpedaya dengan sifat tamak, nescaya anda akan terus kerugian.

**Be grateful** with what we have, there will be more to come, InsyaAllah. Be wary of greed as it will lead to downfall.

YB. Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin  
Haji Baharom (B)  
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

# KANDUNGAN



TABUNG HAJI  
جیٰ علٰی الفلاح

- |  |   |
|--|---|
| 4 <b>Visi, Misi dan Nilai Teras</b>  | 122 <b>Kalendar Peristiwa-peristiwa Penting</b>   |
| 5 <b>Sekilas Pandang 2007 – 2011</b>   | 132 <b>Sorotan Media</b>  |
| 6 <b>Ringkasan Prestasi Kewangan 5 Tahun</b>   | 134 <b>Carta Perjalanan Haji</b>  |
| 7 <b>Statistik 5 Tahun</b>   | 136 <b>Panduan dan Rangkaian Cawangan</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• Ibu Pejabat <b>TH</b></li><li>• Pejabat Negeri <b>TH</b></li><li>• Cawangan <b>TH</b></li><li>• Syarikat Subsidiari</li></ul>   |
| 10 <b>Perutusan Pengerusi</b>  | 148 <b>Struktur Kumpulan TH</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• Carta Sektor Perladangan</li><li>• Carta Sektor Perbankan Islam/Takaful</li><li>• Carta Sektor Pembangunan Hartanah dan Pembinaan</li><li>• Carta Sektor Perkhidmatan Lain-lain</li></ul>   |
| 16 <b>Maklumat Korporat</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• Lembaga Pengarah</li><li>• Panel Pelaburan</li><li>• Majlis Penasihat Haji</li><li>• Carta Organisasi</li><li>• Barisan Pengurusan Kanan</li></ul>   | 153 <b>Penyata Kewangan</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• Sijil Ketua Audit Negara</li><li>• Penyata Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah</li><li>• Pengakuan oleh Pegawai Utama yang Bertanggungjawab ke atas Pengurusan Kewangan</li><li>• Penyata Kedudukan Kewangan yang Disatukan</li><li>• Penyata Pendapatan yang Disatukan</li><li>• Penyata Pendapatan Komprehensif yang Disatukan</li><li>• Penyata Perubahan Rizab yang Disatukan</li><li>• Penyata Perubahan Rizab</li><li>• Penyata Aliran Tunai yang Disatukan</li><li>• Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan</li></ul> |
| 48 <b>Tadbir Urus Korporat</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• Penyata Tadbir Urus Korporat</li><li>• Penyata Kawalan Dalaman</li><li>• Laporan Jawatankuasa Audit</li></ul>   |   |
| 75 <b>Ulasan Operasi Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• Pelaburan</li><li>• Sektor Perladangan</li><li>• Sektor Perbankan Islam dan Takaful</li><li>• Sektor Pembangunan Hartanah dan Pembinaan</li><li>• Sektor Perkhidmatan Lain-lain</li><li>• Perkhidmatan Haji</li><li>• Perkhidmatan Pelanggan</li><li>• Tanggungjawab Sosial Korporat</li></ul> |   |



# CONTENTS

4	<b>Vision, Mission and Core Values</b>	
5	<b>2007 – 2011 At a Glance</b>	
6	<b>5-Year Financial Performance Summary</b>	
7	<b>5-Year Statistics</b>	
10	<b>Chairman's Statement</b>	
16	<b>Corporate Information</b>	
	• Board of Directors	
	• Investment Panel	
	• Hajj Advisory Council	
	• Organisation Chart	
	• Senior Management Team	
48	<b>Corporate Governance</b>	
	• Corporate Governance Statement	
	• Internal Control Statement	
	• Audit Committee Report	
75	<b>Operational Review</b>	
	<b>Group Managing Director and Chief Executive Officer</b>	
	• Investment	
	• Plantation Sector	
	• Islamic Banking and Takaful Sector	
	• Property Development and Construction Sector	
	• Other Services Sector	
	• Hajj Service	
	• Customer Service	
	• Corporate Social Responsibility	
		122 <b>Calendar of Significant Events</b>
		132 <b>Media Highlights</b>
		134 <b>Hajj Journey Chart</b>
		136 <b>Directory and Branch Network</b>
		• TH Headquarters
		• TH State Offices
		• TH Branches
		• Subsidiaries
		148 <b>TH's Group Structure</b>
		• Plantation Sector Chart
		• Islamic Banking/Takaful Sector Chart
		• Property Development and Construction Sector Chart
		• Other Services Sector Chart
		<b>Financial Statement</b>
		(Available in CD version only)

# VISI VISION

Tunggak kejayaan ekonomi ummah;  
Pengurusan haji terbilang

The Pillar of the ummah's economic success;  
Excellence in hajj management

# MISI MISSION

**Dalam mencapai visi TH, KAMI beriltizam:**

- Memperkasa Ekonomi Ummah;
- Sentiasa Giat Mencari Pelaburan Strategik Global dan Lokal Bagi Pertumbuhan Berterusan;
- Menggembangkan dan Memperkayakan Modal Pendeposit;
- Memberi Perkhidmatan Cemerlang Yang Berterusan;
- Memudah dan Menyempurnakan Urusan Jemaah Ke Arah Haji Mabrur; dan
- Memberi Pulangan Yang Kompetitif, Halal dan Toyyiban.

**In achieving TH's vision, WE pledge:**

- To strengthen the ummah's economy;
- To remain active in seeking strategic investments locally and globally to ensure sustainable growth;
- To manage and enrich depositors' funds;
- To continuously provide excellent services;
- To facilitate and assist pilgrims in achieving mabrur hajj; and
- To provide competitive, halal and toyyiban returns

# NILAI TERAS CORE VALUES

- Profesionalisme
- Kerja Secara Berpasukan
- Komited
- Prihatin, Mesra dan Penyayang
- Inovatif
- Professionalism
- Teamwork
- Committed
- Caring, Friendly and Compassionate
- Innovative



## LONJAKAN KUANTUM

prestasi keuntungan selepas zakat yang melebihi **RM1.0 bilion** bagi lima tahun berturut-turut

## KEUNTUNGAN SELEPAS ZAKAT

**RM1.7 bilion** untuk tahun 2011

## KEUNTUNGAN

berjumlah **RM6.4 bilion** dalam tempoh 5 tahun

## DANA PENDEPOSIT

meningkat lebih daripada dua kali ganda dari **RM14.7 bilion** kepada **RM31.7 bilion**

## BONUS PENDEPOSIT

bayaran bonus meningkat kepada **RM1.7 bilion**

## KADAR PURATA BONUS

**5.7%** dalam tempoh 5 tahun dan lebih tinggi daripada kadar pasaran wang Perbankan Islam

## KEUNTUNGAN

### TERKUMPUL DAN RIZAB

keseluruhan **TH** kekal positif dan kukuh walaupun setelah mengambil kira kesan aplikasi FRS 139 – Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran mulai tahun 2010

# Sekilas Pandang 2007 – 2011

2007 – 2011 At a Glance

## QUANTUM LEAP

profit after zakat of more than **RM1.0 billion** for five consecutive years

## PROFIT AFTER ZAKAT

**RM1.7 billion** for 2011

## PROFIT

totalling **RM6.4 billion** within a period of 5 years

## DEPOSITORS' FUND

more than doubled from **RM14.7 billion** to **RM31.7 billion**

## DEPOSITORS' BONUS

bonus payment increased to **RM1.7 billion**

## BONUS AVERAGE RATE

**5.7%** within a period of 5 years and higher than the Islamic Banking money market rate

## RETAINED PROFITS

### AND RESERVES

generally remained positive and sound even after taking into consideration the application of FRS 139 – Financial Instrument: Recognition and Measurement which began in 2010

# Ringkasan Prestasi Kewangan 5 Tahun

## 5-Year Financial Performance Summary

KUMPULAN GROUP	2011 (RM JUTA) (RM MILLION)	2010 (RM JUTA) (RM MILLION)	2009 (RM JUTA) (RM MILLION)	2008 (RM JUTA) (RM MILLION)	2007 (RM JUTA) (RM MILLION)
Pendapatan Revenue	<b>5,542</b>	5,287	3,739	2,378	2,861
Keuntungan Operasi Operating Profit	<b>2,412</b>	2,374	1,725	1,098	1,852
Keuntungan Tahun Semasa Profit for The Year	<b>2,041</b>	2,013	1,425	1,163	1,772
Bonus Pendeposit Depositors' Bonus	<b>1,678</b>	1,332	1,067	900	1,051
Simpanan Pendeposit Depositors' Savings	<b>31,694</b>	27,115	23,590	20,576	17,083
Aset Bersih Net Assets	<b>34,961</b>	30,790	26,298	21,145	17,505
<b>TH TH</b>					
Pendapatan Revenue	<b>2,176</b>	2,056	1,752	1,513	1,857
Keuntungan Operasi Operating Profit	<b>1,741</b>	1,648	1,307	1,111	1,536
Keuntungan Tahun Semasa Profit for The Year	<b>1,689</b>	1,497	1,120	1,001	1,071
Bonus Pendeposit Depositors' Bonus	<b>1,678</b>	1,332	1,067	900	1,051
Simpanan Pendeposit Depositors' Savings	<b>31,694</b>	27,115	23,590	20,576	17,083
Aset Bersih Net Assets	<b>32,036</b>	28,289	24,275	21,204	17,600



# Statistik 5 Tahun

## 5-Year Statistics



\* Merangkumi 5% bonus tahunan dan 2% bonus khas  
Comprised 5% annual bonus and 2% special bonus





# PROGRESIF • PROGRESSIVE

## Perutusan Pengerusi *Chairman's Statement*

## Maklumat Korporat *Corporate Information*

- Lembaga Pengarah  
*Board of Directors*
- Panel Pelaburan  
*Investment Panel*
- Majlis Penasihat Haji  
*Hajj Advisory Council*
- Carta Organisasi  
*Organisation Chart*
- Barisan Pengurusan Kanan  
*Senior Management Team*

## Tadbir Urus Korporat *Corporate Governance*

- Penyata Tadbir Urus Korporat  
*Corporate Governance Statement*
- Penyata Kawalan Dalaman  
*Internal Control Statement*
- Laporan Jawatankuasa Audit  
*Audit Committee Report*



**Tan Sri Dato' Sri Abi Musa Asa'ari Mohamed Nor**  
**Pengerusi Lembaga Tabung Haji / Chairman of Lembaga Tabung Haji**



# Perutusan Pengerusi

## Chairman's Statement



Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang. Segala puji hanya bagi Allah S.W.T Salam dan selawat ke atas junjungan Nabi Muhammad S.A.W dan kerabat Baginda.

Alhamdulillah, saya amat bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinNya, saya sebagai wakil Jemaah Lembaga Pengarah dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan Lembaga Tabung Haji (**TH**) berserta penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011.

In the name of Allah the Most Compassionate and the Most Merciful. All praise is to Allah S.W.T. Peace and blessings be upon the Prophet Muhammad S.A.W and his companions.

Alhamdulillah, with the blessings of Allah S.W.T, on behalf of the Board of Directors, I am pleased to present the Annual Report of Lembaga Tabung Haji (**TH**) together with the audited financial statements for the financial year ended 31 December 2011.

Tahun 2011 menyaksikan keadaan ekonomi global terus dibelenggu krisis hutang Eropah dan pertumbuhan ekonomi yang perlahan di Amerika Syarikat. Senario ekonomi dunia masih tidak stabil dengan penurunan taraf kredit AS dan pasaran juga berada dalam keadaan yang bercelaru berikutan gempa bumi di Jepun. Bagaimanapun, **TH** bersyukur kerana ekonomi Malaysia terus menunjukkan prestasi yang baik pada kadar 5.1% memastikan negara berada dilandasannya yang kukuh bagi mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Krisis ekonomi global telah menunjukkan betapa pentingnya peranan sistem kewangan yang cekap, berfungsi untuk mencapai pemulihian ekonomi yang kukuh lagi berterusan. Krisis tersebut telah mendorong kerajaan Malaysia mengambil langkah proaktif dan intensif bagi melaksanakan pembaharuan sistem kewangan yang menyeluruh dan berkesan. Komitmen ini bertujuan untuk mencari satu penyelesaian agar sistem kewangan kita dapat berfungsi dengan lebih cekap bagi menyokong sektor ekonomi, berdaya tahan serta tidak mudah terjejas oleh faktor-faktor luaran. Pengurusan kerajaan Malaysia yang baik dengan polisi-polisi pelaburan serta fiskal yang mantap telah memberikan Malaysia kekuatan untuk menempuh ketidaktentuan ekonomi luar dengan jayanya.

Dalam persekitaran ekonomi yang bertukar pantas, **TH** sebagai sebuah organisasi Islam yang berkecimpung dalam bidang pelaburan berlandaskan Syariah, terus menyahut cabaran untuk menjadi peneraju kepada pertumbuhan ekonomi ummah dengan bersifat lebih dinamik, kreatif dan inovatif.

**TH** sentiasa melaksanakan pelan perniagaannya dengan teliti serta merancang perbelanjaan secara berhemah bagi memastikan pertumbuhan perniagaan dan dana yang berterusan serta menjamin pulangan yang kompetitif kepada para pendepositnya.

Menyokong Rancangan Transformasi Ekonomi negara untuk mengekalkan pertumbuhan KDNK pada aras 5%, **TH** telah merebut peluang pelaburan yang ada berdasarkan kepada mandat-mandat pelaburan yang ditetapkan. **TH** juga telah melakukan beberapa transformasi operasi deposit dan hajinya untuk memastikan perkhidmatan **TH** kekal dinamik dan relevan kepada para pendeposit. Transformasi dalam pengurusan pelaburan, perniagaan dan operasi ini mendokong **TH** ke arah sebuah organisasi yang lebih produktif dan berprestasi tinggi bagi tahun mendatang.

The global economy in 2011 was shackled by the European debt crisis and the United States' sluggish economic growth. The world economy scenario remains unstable due to the US credit downgrade and the natural disaster that hit Japan. Nevertheless, **TH** is grateful for Malaysia's stellar economic performance with a recorded 5.1% growth, which puts the nation on the right track in achieving its aim of becoming a high income nation by 2020.

The global economic crisis had underlined the importance of an efficient financial system in achieving a stable and continuous economic revival. The crisis had driven the Malaysian government to take proactive and intensive measures in improving the financial system to be more comprehensive and effective. This commitment is primarily aimed at finding a solution that would enable our financial system to function more effectively in support of the economic sector, as well as to remain resilient against external factors. The Malaysian government's good management coupled with solid investment and fiscal policies have contributed to the nation's ability in weathering the external economy's instabilities successfully.

In a rapidly changing economic environment, **TH** as an Islamic organisation that deals with Shariah-based investments, continues to heed the challenge of becoming the pillar of the ummah's economic growth by being more dynamic, creative and innovative.

**TH** continues to implement its business plans meticulously apart from planning its expenditure prudently so as to ensure continuous business and fund growth as well as competitive returns for its depositors.

In support of the nation's Economic Transformation Plan which entails the retaining of Gross Domestic Product at a 5% rate, **TH** took bold measures in grabbing existing investment opportunities based on prescribed investment mandates. **TH** has also implemented several transformations on its deposit and hajj operations so as to ensure that its services remain dynamic and relevant to the depositors. The transformation in business, operations and investment management propels **TH** towards becoming a more productive and high performing organisation in years to come.



## PRESTASI KEWANGAN TH

Prestasi Kewangan **TH** bagi tahun 2011 menunjukkan pencapaian yang baik kerana telah berjaya melepas sasaran yang ditetapkan. Pendapatan **TH** telah buat kali keduanya mencecah melebihi RM2.0 bilion manakala keuntungan selepas zakat telah melebihi RM1.0 bilion buat kali kelima berturut-turut sejak tahun 2007.

Persekutuan ekonomi yang kondusif, perlaksanaan pelan perniagaan yang baik, perbelanjaan yang berhemah, komitmen yang tinggi daripada Jemaah Lembaga Pengarah, Ahli-ahli Panel Pelaburan, pihak pengurusan dan seluruh anggota **TH** serta sokongan padu daripada para pendeposit telah banyak membantu **TH** untuk mencatat prestasi kewangan yang cemerlang ini.

Keuntungan bersih **TH** selepas zakat melebihi RM1.7 bilion ini adalah 13% lebih tinggi berbanding keuntungan bersih selepas zakat pada tahun 2010. **TH** juga telah merekodkan pendapatan RM2.2 bilion bagi tahun 2011, iaitu 6% atau RM120 juta lebih tinggi berbanding tahun 2010. Peningkatan pendapatan terutama daripada pelaburan ekuiti dan sekuriti hutang adalah penyumbang utama kepada peningkatan keuntungan bersih selepas zakat.

Sumber-sumber utama pendapatan **TH** bagi tahun 2011 adalah daripada pelaburan ekuiti pada kadar 58% (2010: 65%). Daripada 58% ini, 25% (2010: 19%) adalah pendapatan dividen dan 33% (2010: 46%) adalah keuntungan urusniaga ekuiti. Penyumbang kedua terbesar adalah pelaburan sekuriti hutang terutamanya bon Islam yang menyumbang 15% (2010: 10%).

## TH FINANCIAL PERFORMANCE

**TH** showcased a stellar financial performance in 2011 by surpassing its initial targets. Its income revenue passed the RM2.0 billion mark for the second time whilst its profit after zakat exceeded RM1.0 billion for the fifth consecutive year since 2007.


The excellent performance was largely contributed by a conducive economic environment; good execution of business plans; prudent expenditure; high commitment from the Board of Directors, Investment Panel, management and staff of **TH**, and unwavering support by the depositors.

**TH** recorded a net profit after zakat in excess of RM1.7 billion which is 13% higher than 2010. **TH** also posted a revenue of RM2.2 billion in 2011, which is a 6% increase or RM120 million hike as compared to the result in 2010. A boost in income gain especially from equity investments and debt securities, is the main contributor to the positive outcome.


Equity investments contributed 58% (2010: 65%) to **TH**'s overall income. Out of the 58%, 25% (2010: 19%) is made up of dividend income whilst 33% (2010: 46%) consists of profits from equity transactions. The second largest contributor is from debt security investments specifically Islamic bonds which contributed 15% to **TH**'s income (2010: 10%).

**Sumber Pendapatan TH**  
**TH's Source of Income**

2011



2010



Peningkatan pendapatan ini adalah seiring dengan pertumbuhan saiz dana pendeposit **TH** yang meningkat pada kadar 17% kepada RM31.7 bilion berbanding tahun 2010.

Perbelanjaan operasi **TH** pada tahun 2011 adalah terkawal dan lebih rendah jika dibandingkan dengan peratusan pertumbuhan pendapatan, walaupun terdapat sedikit peningkatan berikutan kenaikan kos tanggungan haji sebanyak RM105 juta bagi musim haji 1432H berbanding RM65 juta pada tahun sebelumnya.

## ZAKAT

Jumlah pembayaran zakat perniagaan **TH** meningkat kepada 7.7% atau RM44.2 juta berbanding RM41.0 juta pada tahun sebelumnya. Zakat dibayar kepada Majlis Agama Islam dan Pusat Pungutan Zakat Negeri, berdasarkan purata baki terendah simpanan terkumpul pendeposit bagi setiap negeri sepanjang tahun.

## BONUS PENDEPOSIT

Bagi tahun kewangan 2011, **TH** sekali lagi telah mencatat sejarah dengan mengisyiharkan Kadar Bonus Pendeposit sebanyak 6% berbanding 5.5% pada tahun 2010. Pembayaran bonus pendeposit tahun ini membabitkan jumlah pembayaran sebanyak RM1.7 bilion kepada para pendeposit, iaitu peningkatan sebanyak 26% berbanding RM1.3 bilion pada tahun 2010.

## MASA HADAPAN

Bagi tahun 2012, prospek ekonomi negara dijangka berkembang antara 5% hingga 6% didorong oleh perbelanjaan perkhidmatan domestik yang terus berdaya tahan, walaupun wujud ketidaktentuan yang berterusan dalam sektor luar. **TH** akan terus berusaha merangka strategi dan aktiviti pelaburan dan operasi yang lebih dinamik dan inovatif demi memastikan prestasi kewangan yang cemerlang dan pulangan yang kompetitif kepada para pendeposit akan terus dikelakkan.

The boost in income is in line with the depositors' fund size growth which grew by 17% to RM31.7 billion compared to 2010.

**TH's** operational expenditure was under control and lower than the income growth percentage despite a minimal increase due to the increase in haji subsidy of RM105 million for the 1432H haji season as compared to RM65 million the previous year.

## ZAKAT (TITHE)

**TH's** business zakat payout increased by 7.7% or RM44.2 million compared to RM41.0 million in the previous year. The zakat was paid out to the Islamic Religious Councils and State Zakat Collection Centers according to the depositors' average minimum accumulated savings balance for each state throughout the year.

## DEPOSITORS' BONUS

For financial year 2011, **TH** once again stamped its mark when it announced a bonus payout of 6% to all its depositors, as compared to 5.5% in 2010. The depositors' bonus payout for the year consisted of a total payment of RM1.68 billion – an increase of 26% against the RM1.33 billion payout in 2010.

## FUTURE OUTLOOK

For 2012, the nation's economy is expected to expand between 5% to 6% driven by robust domestic service expenditure, despite continuous fluctuations in external sectors. **TH** will continue to develop strategies as well as investment and operational activities that are more dynamic and innovative so as to ensure that its stellar financial performance and competitive returns for its depositors are maintained.



## PENGHARGAAN

Saya bagi pihak Lembaga Pengarah Tabung Haji merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, para Jemaah Menteri-menteri Kabinet dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Baharom dan Kerajaan Malaysia di atas segala sokongan dan dorongan yang telah diberikan bagi memastikan kejayaan dan kecemerlangan Lembaga Tabung Haji.

Setinggi-tinggi penghargaan juga diberikan kepada semua Ahli Lembaga Pengarah, Ahli Panel Pelaburan, Majlis Penasihat Haji, Ahli Jawatankuasa-jawatankuasa Khas, Barisan Pengurusan Kanan serta semua anggota **TH** yang gigih bekerja untuk memastikan **TH** menjadi organisasi konglomerat Islam yang unggul di Malaysia dan di peringkat antarbangsa.

Terima kasih juga diucapkan kepada semua agensi-agensi kerajaan, swasta dan pihak media massa yang telah banyak memberikan bantuan dan kerjasama dalam menjayakan operasi haji pada musim haji 1432H yang lalu.

Saya bagi pihak **TH**, ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pendeposit **TH** yang memberi sokongan dan kepercayaan yang berterusan kepada **TH** dengan harapan mereka akan terus meningkatkan simpanan mereka di **TH**.

Akhir kata, saya menadah tangan ke hadrat Allah S.W.T memohon agar mempermudahkan dan memberi kejayaan yang berterusan dalam semua aktiviti pengurusan, pelaburan dan perniagaan **TH**. Semoga **TH** terus menjadi sebuah institusi Islam yang disegani.

Sekian Terima Kasih.

## ACKNOWLEDGEMENT

On behalf of the Board of Directors of Tabung Haji, I would like to extend my highest appreciation and gratitude to our Prime Minister, YAB Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, the Cabinet Ministers, Minister in the Prime Minister's Department, YB Major General Dato' Seri Jamil Khir Baharom and the Malaysian Government for all the support and encouragement in ensuring the continued success and excellence of Lembaga Tabung Haji.

Utmost appreciation also goes out to all the members of the Board of Directors, Investment Panel, Hajj Advisory Council, Special Committees, Senior Management and staff of **TH** who have worked hard to secure **TH**'s position as a premier Islamic conglomerate both in the Malaysian front and the international scene.

My heartfelt gratitude is also extended to all government and private agencies as well as the mass media for their cooperation in ensuring the success of the 1432H hajj operations.

On behalf of **TH**, I would also like to express my sincere appreciation to all **TH** depositors for their continuous support and unwavering trust.

Last but not least, I pray to Allah S.W.T for the continued success of **TH**. May all its business dealings and management activities receive His blessings, and may **TH** continue to be a well respected Islamic institution.

Thank you.

**Tan Sri Dato' Sri Abi Musa Asa'ari Mohamed Nor**  
Pengerusi Lembaga Tabung Haji/Chairman of Lembaga Tabung Haji



# Lembaga Pengarah

## Board of Directors

Ahli Lembaga Pengarah diberi kuasa di bawah Seksyen 4(1) Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535) untuk mentadbir kumpulan wang dan segala yang berkenaan dengan kebaikan jemaah haji. Ahli Lembaga Pengarah ini juga merumus dasar yang berkaitan dengannya dan perkara-perkara lain yang boleh dilakukan di bawah Akta ini.

Penubuhan Jemaah Lembaga Pengarah adalah menepati ketetapan keanggotaan Ahli Lembaga Pengarah seperti yang dinyatakan di Bahagian II Seksyen 6 Akta 535:

The Board of Directors has been bestowed the power under Section 4(1) Tabung Haji Act 1995 (Act 535) to administer the fund and all matters concerning the pilgrims' welfare. The Board of Directors also formulates policies and implements all matters related to the said and any other matters as provided by this Act.

The appointment of the Board members is in line with stipulations listed in the Membership of the Board in Part II Section 6 of Act 535:

Datuk Abdul Azeez  
Abdul Rahim

Tan Sri Dato' Hashim Meon

Prof. Emeritus Tan Sri  
Dato' Dr. Abdul Shukor Husin

Datuk Othman  
Mahmood

Tan Sri Dato' Sri Abi Musa  
Asa'ari Mohamed Nor





#### PENGERUSI/CHAIRMAN

**Tan Sri Dato' Sri Abi Musa  
As'aari Mohamed Nor**  
PSM, SSAP, SIMP, DIMP, SMP

#### PENGARAH URUSAN KUMPULAN DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF/ GROUP MANAGING DIRECTOR AND CHIEF EXECUTIVE OFFICER

**Dato' Paduka Ismee Ismail**  
PJN, DHMS, DSNS

#### WAKIL JABATAN PERDANA MENTERI/ PRIME MINISTER'S DEPARTMENT REPRESENTATIVE

##### **Datuk Othman Mahmood**

PWM, AMN  
(Dilantik pada 16 Januari 2012)  
(Appointed on 16 January 2012)

##### **Datuk Zainol Othman\***

PJN, SIMP, JSM, DJN, BCN, PJM, AMN  
(Bersara wajib pada 2 Oktober 2011)  
(Retired on 2 October 2011)

#### WAKIL PERBENDAHARAAN/ TREASURY REPRESENTATIVE

##### **Dato' Dr Mohd Irwan**

**Serigar Abdullah**  
DPSK, DIMP, SAP  
(Dilantik pada 1 Mac 2011)  
(Appointed on 1 March 2011)

#### AHLI-AHLI YANG LAIN/ OTHER MEMBERS

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato'  
Dr. Abdul Shukor Husin**  
PSM, DIMP, DSNS, JSM

**Tan Sri Dato' Hashim Meon**  
PSM, DPMS, KMN

**Datuk Mohamad Aziz**  
PJN, SMJ, KMN, PIS, BSI, AMN, PPN

**Tan Sri Dato' Paduka Badruddin  
Amirulldin**  
PSM, DHMS, DSDK, BKM, PJK, JP

**Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim**  
PJN, DIMP, JP

##### **Ghazali Awang**

(Dilantik pada 1 September 2011)  
(Appointed on 1 September 2011)

##### **Tan Sri Dr. Abdul Samad Alias\***

PSM, PJN  
(Tamat tempoh pada 15 Ogos 2011)  
(Completed service on 15 August 2011)

\* *Tiada dalam gambar  
Not in the picture*

Dato' Paduka Ismee Ismail



Dato' Dr Mohd Irwan  
Serigar Abdullah



Datuk Mohamad Aziz



Tan Sri Dato' Paduka  
Badruddin Amirulldin



Ghazali Bin Awang



# Profil Lembaga Pengarah

## Board of Directors' Profile



**Tan Sri Dato' Sri Abi Musa Asa'ari Mohamed Nor**

PSM, SSAP, SIMP, DIMP, SMP

### Pengerusi/Chairman

Masters in Business Administration,  
University of Birmingham, United Kingdom.  
Diploma Administration Development,  
University of Birmingham, United Kingdom.  
Bachelors Degree in Economics (Honours),  
University of Malaya, Malaysia.

**Tan Sri Dato' Sri Abi Musa Asa'ari** berasal dari Raub, Pahang. Beliau telah menyertai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik pada tahun 1974 dan telah ditempatkan di pelbagai kementerian/jabatan kerajaan. Beliau dilantik secara rasmi sebagai Pengerusi Lembaga **TH** pada 8 Ogos 2007. Beliau pernah memegang jawatan sebagai Ketua Setiausaha di Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sebelum bersara wajib di dalam perkhidmatan kerajaan pada tahun 2006.

**Tan Sri Dato' Sri Abi Musa Asa'ari** is from Raub, Pahang. He joined the Malaysian Administrative and Diplomatic Service in 1974 and was attached to various ministries and government agencies. He was officially appointed as Chairman of **TH**'s Board of Directors on August 8, 2007. Prior to this, he was the Secretary General to the Agriculture and Agro-based Ministry before his compulsory retirement from the civil service in 2006.



**Dato' Paduka Ismee Ismail**

PJN, DHMS, DSNS

### Pengarah Urusan Kumpulan Dan Ketua Pegawai Eksekutif/ Group Managing Director and Chief Executive Officer

Fellow Member of The Chartered Institute of Management Accountants (FCMA).  
Chartered Accountants of Malaysia, CA(M).

**Dato' Paduka Ismee Ismail** dilahirkan di Batu Pahat, Johor. Beliau berpengalaman luas di sektor swasta dengan memegang beberapa jawatan penting di beberapa organisasi, di antaranya Pengurus Besar di sebuah syarikat tersenarai tempatan dan beberapa jawatan kewangan di dalam syarikat pengeluar minyak antarabangsa. Beliau pernah berkhidmat sebagai Ketua Akauntan di Pengurusan Danaharta Nasional Berhad dan Pengurus Besar Kanan Kewangan di **TH** bermula Disember 2001 hingga November 2003. Kemudiannya beliau menyandang jawatan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif di sebuah syarikat broker saham. Beliau menyertai semula **TH** sebagai Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif serentak dengan pelantikannya sebagai Ahli Lembaga Pengarah pada 1 Januari 2006.

**Datuk Paduka Ismee** is from Batu Pahat, Johor. He has vast experiences working in the private sector, holding key positions in several organisations, including General Manager with a public listed local firm and several financial positions with an international oil firm. He has served Pengurusan Danaharta Nasional Berhad as the Chief Accountant and was Senior General Manager Finance in **TH** from December 2001 to November 2003. He later joined a brokerage firm as the Chief Executive Officer. Datuk Ismee rejoined **TH** as the Group Managing Director and Chief Executive Officer following his appointment as a Member of **TH**'s Board of Directors on January 1, 2006.



**Datuk Othman Mahmood**

PWM, AMN

**Wakil Jabatan  
Perdana Menteri/  
Prime Minister's Department  
Representative**

Masters Degree in Land Resource Management, Putra University of Malaysia. Bachelors Degree in Sociology (Honours), National University of Malaysia. Diploma in Public Administration (INTAN).

**Datuk Othman bin Haji Mahmood** berasal dari Muar, Johor. Beliau telah berkhidmat di JPM dari tahun 2006. Beliau merupakan Timbalan Ketua Setiausaha Kanan di JPM. Sepanjang kerjayanya, beliau telah menyandang beberapa jawatan penting di JPM di antaranya ialah sebagai Setiausaha Bahagian di Bahagian Pengurusan Hartanah, Setiausaha Bahagian di Bahagian Kewangan Dan Pembangunan dan seterusnya Timbalan Ketua Setiausaha Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM). Beliau dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah **TH** pada 16 Januari 2012. Beliau juga pada masa ini dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Perbadanan Stadium Nasional, Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) di bawah Kementerian Sumber Manusia, Ahli Lembaga Pengarah International Multilateral Partnership Against Cyber-Terrorism (IMPACT) dan Ahli Lembaga Pengarah, Perbadanan Padang Golf Subang (PPGS). Beliau aktif dalam kegiatan kebajikan dan kemasyarakatan dan telah dilantik sebagai Pengurus Kelab Bukit Perdana, di JPM pada tahun 2011. Pada masa ini juga beliau dilantik sebagai Setiausaha Kehormat Kelab Golf Perkhidmatan Awam Malaysia (KGPA). Beliau telah mendapat Darjah Kebesaran Panglima Mahkota Wilayah (P.M.W) gelaran Datuk di Wilayah Persekutuan pada tahun 2009.

**Datuk Othman bin Haji Mahmood** is from Muar, Johor. He has been serving in the Prime Minister's Department since 2006 and is currently the Deputy Senior Secretary General. In the course of his career in the Prime Minister's Department, he held several key positions including Secretary of the Property Management Division, Secretary of the Financial and Development Division and Deputy Senior Secretary General. He was appointed as **TH**'s Investment Panel Member on 16 January 2012. He is also currently appointed as a Board Member of the National Stadium Corporation, Board Member of the Skills Development Fund Corporation (PTPK) under the Ministry of Human Resources, Board Member of International Multilateral Partnership Against Cyber-Terrorism (IMPACT) and the Board Member of Perbadanan Padang Golf Subang (PPGS). He is actively involved in various charity and community activities and was appointed as Chairman of the Kelab Bukit Perdana in 2011. Presently, he is also the appointed Honorary Secretary of Kelab Golf Perkhidmatan Awam Malaysia. He was conferred with the Darjah Kebesaran Panglima Mahkota Wilayah (P.M.W), in 2009 which carries the title 'Datuk'.



**Dato' Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah**

DPSK, DIMP, SAP

**Wakil Perbendaharaan/  
Treasury Representative**

AMP, 174 HBS, Harvard, USA.  
PhD in Economics, International Islamic University of Malaysia.  
M. Sc Univ.  
B. Hons UM, Malaysia.

**Dato' Dr Mohd Irwan Serigar** berasal dari Kota Bharu, Kelantan. Beliau menyertai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik pada 1974 dan ditempatkan di Unit Perancang Ekonomi. Beliau mula bertugas di Kementerian Kewangan pada tahun 2003 dan kini memegang jawatan sebagai Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar). Beliau dilantik secara rasmi sebagai Ahli Lembaga Pengarah **TH** mulai 1 Mac 2011. Selain berpengalaman luas dalam bidang pentadbiran kerajaan, beliau juga merupakan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah bagi beberapa agensi dan badan kerajaan, antaranya Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Suruhanjaya Sekuriti (SC), Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Universiti Islam Antarabangsa (UIAM), Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN), Kumpulan Wang Persaraan DiPerbadankan (KWAP), Yayasan Inovasi Malaysia (YIM), Skim Jaminan Pembiayaan Perniagaan Bhd (SJPP), Capital Market Development Fund (CMDF), Malaysian Development Holding Sdn Bhd (MDHSB) dan Malaysian Venture Capital Development Council (MVCDC). Beliau juga merupakan Penggerusi Malaysian Development Holdings Sdn Bhd, Danainfra Sdn Bhd serta Kumpulan Kerja Pemantapan dan Pemantauan Projek Perumahan Terbengkalai.

**Dato' Dr Mohd Irwan Serigar** is from Kota Bharu, Kelantan. He joined the Malaysian Administrative and Diplomatic Service in 1974 and was assigned to the Economic Planning Unit. His career at the Ministry of Finance began in 2003 and he currently holds the position of Deputy Secretary General to Treasury (Policy). He was officially appointed as a Member of **TH**'s Board of Directors on 1 March 2011. Apart from his extensive experience in government administration, he is also a member of several Boards of Directors of various agencies and government bodies such as Employees Provident Fund Board (KWSP), Securities Commission (SC), Land Public Transport Commission (SPAD), Malaysia Co-operative Societies Commission (SKM), International Islamic University Malaysia (UIAM), Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN), Retirement Fund Incorporated (KWAP), Malaysian Foundation for Innovation (YIM), Skim Jaminan Pembiayaan Perniagaan Bhd (SJPP), Capital Market Development Fund (CMDF), Malaysian Development Holding Sdn Bhd (MDHSB) and Malaysian Venture Capital Development Council (MVCDC). He is also the Chairman of Malaysian Development Holdings Sdn Bhd, Danainfra Sdn Bhd and Working Committee for Enhancement and Monitoring of Abandon Housing Projects.



**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Hj Shukor Hj Husin**

PSM, DIMP, DSNS, JSM

Ph.D. Akidah dan Falsafah Islam,  
Al-Azhar University.

M.A Akidah dan Falsafah Islam,  
Al-Azhar University.

B.A (Honours) Usuluddin,  
Al-Azhar University.

Diploma in Education Ain Shams,  
University of Cairo.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Hj Shukor** dilahirkan di Jerantut, Pahang. Beliau dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah **TH** pada 15 Oktober 2004. Beliau kini menjawat jawatan Pengarah Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) dan Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. Pada masa yang sama beliau menganggotai beberapa jawatankuasa di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Diantaranya ialah Ahli Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI), Timbalan Pengerusi Akademi Fiqh Sedunia (Rabitah), Ahli Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Pahang, Ahli Lembaga Saham Wakaf Negeri Pahang dan Ahli Lembaga Penasihat Pensijilan Halal (JAKIM), Ahli Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang dan Ahli Majlis Perundingan Islam (MPI). Beliau pernah berkhidmat sebagai Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) selama 10 tahun bermula pada tahun 1999 sehingga 2009 dan pernah menjadi Dekan Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia dari tahun 1985 hingga tahun 1998.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Hj Shukor** is from Jerantut, Pahang. He was appointed as a Member of **TH**'s Board of Directors on 15 October 2004. He is currently the Director of the World Fatwa Management & Research Institute (INFAD) and Chairman of the Fatwa Committee of the National Council for Islamic Affairs Malaysia. He currently serves in several national and international committees i.e. as a Member of the National Council for Islamic Affairs Malaysia (MKI), Deputy Chairman of World Fiqh Academy (Rabitah), Member of the Institute of Islamic Understanding Malaysia (IKIM), Member of the Pahang State Fatwa Committee, Member of the Pahang State Board of Stock Endowments, Member of the Malaysian Halal Certification Advisory Board (JAKIM), Member of the Islamic Religious Council and Pahang Malay Customs as well as Member of the Consultative Council of Islamic Da'wah (MPI). He formerly served as the Vice Chancellor of Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) for 10 years from 1999 to 2009 and was also the Dean of the Islamic Studies Faculty in the National University of Malaysia from 1985 to 1998.



### Tan Sri Dato' Hashim Meon

PSM, DPMS, KMN

Bachelors Degree in Administration (Honours) University of Malaya.

Diploma in Public Administration, University of Malaya.

Diploma in Computer Management, University of London.

Masters in Public Administration, University of Southern California.

Diploma in Islamic Studies, National University of Malaysia.

**Tan Sri Dato' Hashim Meon** berasal dari Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Beliau pernah berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam Malaysia sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik selama lebih 33 tahun sejak tahun 1970 dan ditempatkan di beberapa jabatan dan kementerian dalam pelbagai kapasiti. Jawatan terakhir beliau sebelum bersara wajib pada 16 September 2003 adalah Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan (1999-2003). Pengalaman beliau meliputi Pengurusan Sumber Manusia, Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Latihan dan Pendidikan termasuk menjadi Pengarah Jabatan Penuntut Malaysia di Sydney, Australia (1976-1980). Pernah berkhidmat sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (1995-1999), di mana beliau juga dilantik sebagai Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) (1995-1999). Pada 1 Januari 2011 beliau dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah **TH**.

**Tan Sri Dato' Hashim Meon** is from Kuala Pilah, Negeri Sembilan. He had served in the Malaysian Administrative and Diplomatic Service for more than 33 years since 1970 and was appointed to several departments and Ministries in various capacities. His was the Secretary General of the Ministry of Defense (1999-2003) before retiring on 16 September 2003. His extensive experience covers the fields of Human Resource Management, Information Technology and Communication, Training and Education, enhanced by his position as the Director of the Malaysian Students Department in Sydney, Australia (1976-1980). He had previously served as the Selangor State Secretary (1995-1999), where he was also appointed as Chairman of the Selangor Islamic Religious Council (MAIS) (1995-1999). He was appointed as a Member of **TH**'s Board of Directors on 1 January 2011.



### Datuk Mohamad Aziz

PJN, SMJ, KMN,PIS,BSI,AMN,PPN

**Datuk Mohamad Aziz** berasal dari Parit Raja, Batu Pahat, Johor. Beliau merupakan Ahli Parlimen Kawasan Sri Gading dari tahun 1999 sehingga kini dan juga Ketua UMNO Bahagian Sri Gading dan Timbalan Pengerusi Tetap UMNO Malaysia dari tahun 2008 sehingga kini. Di samping itu, beliau juga adalah Ahli Pihak Berkuasa RISDA dan Pengerusi Tenaga Switchgear Sdn. Bhd. (Anak Syarikat TNB). Beliau pernah menjadi Wakil Peribadi kepada YAB Tun Hussein Onn (Perdana Menteri dari tahun 1981 sehingga 1986), Ahli Exco pada tahun 1990 sehingga 1995 dan Ketua Penerangan Kerajaan Negeri Johor pada tahun 1995 sehingga 1999. Beliau juga pernah menjadi Ahli Lembaga Pengarah **TH** Indopalms Sdn. Bhd. dan Sabaco Sdn. Bhd. Pada 1 Januari 2011, beliau telah dilantik untuk menjadi Ahli Lembaga Pengarah **TH**.

**Datuk Mohamad Aziz** is from Parit Raja, Batu Pahat, Johor. He serves as a Member of Parliament for Sri Gading since 1999 as well as its UMNO Chief. He is the Permanent Deputy Chairman for UMNO Malaysia since 2008. Apart from that, he is also a RISDA Member of Authority and Chairman of Tenaga Switchgear Sdn Bhd (a Subsidiary of TNB). He had served as the Personal Representative for YAB Tun Hussein Onn (Prime Minister from 1981 to 1986), EXCO Member from 1990 to 1995 and Johor State Government Information Chief from 1995 to 1999. He had also served as a Board of Director Member for **TH** Indopalms Sdn Bhd and Sabaco Sdn Bhd. He was appointed as a Member of **TH**'s Board of Directors on 1 January 2011.



**Tan Sri Dato' Paduka  
Badruddin Amiruldin**

PSM, DHMS, DSDK, BKM, PJK, JP

**Tan Sri Dato' Paduka Haji Badruddin Amiruldin** telah dilahirkan pada 20 Mei 1950 di Yan, Kedah Darul Aman. Beliau merupakan Pengurus FAMA bermula 1 Jun 2008 sehingga kini. Beliau juga memegang jawatan sebagai Ahli Lembaga Pengarah **TH** mulai 1 Januari 2005 sehingga kini. Jawatan-jawatan yang pernah disandang oleh beliau ialah Pengurus UTC (anak syarikat MARA Holdings) pada tahun 1986, Pengurus Pembangunan Rumah Budi Yan, Kedah (Rumah Anak-anak Yatim) pada tahun 1992, Ahli Majlis Eksekutif Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) pada tahun 1992, Ahli Lembaga Pengarah KTM Berhad pada tahun 1992 dan Ahli Parlimen Yan/Jerai pada tahun 1992 sehingga 1999. Beliau juga pernah dilantik sebagai Pengurus FAMA pada tahun 1994, Ahli Lembaga Pengarah Pernas International Holdings Berhad pada tahun 1997, Ahli Majlis Kolej Universiti Insaniah pada tahun 1997 dan Larut Consolidated Berhad pada tahun 1999. Di samping itu, beliau juga pernah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah TDC pada tahun 1994, Kedah Cement Berhad pada tahun 1996, MARA pada tahun 1997 dan sebagai Speaker Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman pada 26 Disember 1999 sehingga 19 Mei 2004. Di samping itu, pada tahun 2004 hingga 2008, beliau sekali lagi dipilih sebagai Ahli Parlimen Jerai. Pada tahun 2006, beliau dilantik sebagai Ahli Lembaga Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) dan Pengurus Pelaburan Perbadanan Kemajuan Negeri (PKNK). Beliau juga merupakan Pengurus Tetap UMNO Malaysia bermula pada tahun 2008 sehingga kini.

**Tan Sri Dato' Paduka Haji Badruddin Amiruldin** was born on 20 May 1950 in Yan, Kedah Darul Aman. He is currently the Chairman of FAMA, a post he has been holding since 1 June 2008. He was appointed as a Member of **TH**'s Board of Directors on 1 January 2005. His previous designations include Chairman of UTC (a subsidiary of MARA Holdings) in 1986; Chairman of Pembangunan Rumah Budi Yan, Kedah (Orphanage) in 1992; Member of the Malay Chamber of Commerce Malaysia (DPMM) in 1992; Member of the KTM Berhad Board of Directors in 1992, as well as Member of Parliament for Yan/Jerai from 1992 to 1999. He was also previously appointed as Chairman of FAMA in 1994, Member of Pernas International Holdings Berhad Board of Directors in 1997, Council Member of Kolej Universiti Insaniah in 1997 and Larut Consolidated Berhad in 1999. Apart from that, he has been a Member of the TDC Board of Directors in 1994, Kedah Cement Berhad in 1996, MARA in 1997 as well as the Speaker for the Kedah State Assembly from 26 December 1999 to 19 May 2004. From 2004 to 2008, he was once again appointed as the Member of Parliament for Jerai. In 2006, he was appointed as a Board Member of the Kedah State Development Corporation (PKNK) and Chairman of the State Development Corporation Investment (PKNK). He is also the Permanent Chairman of UMNO Malaysia since 2008 to present.



**Datuk Abdul Azeez  
Abdul Rahim**

PJN, DIMP, JP

Masters in Business Administration,  
Preston University, USA.

**Datuk Abdul Azeez** berasal dari Petaling Jaya, Selangor. Pada tahun 2002 beliau telah dilantik sebagai Pengerusi Eksekutif Sekretariat Perunding Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM) sehingga kini. Beliau telah berjaya mengemudi YPEIM ke peringkat antarabangsa dengan membawa keuntungan hampir mencecah RM5 juta. Beliau juga merupakan bekas Ahli Lembaga Pengarah GIATMARA Malaysia pada tahun 2008 hingga 2010. Beliau juga adalah Ahli Lembaga Pengarah Theta Edge Berhad dan dilantik menjadi Pengerusi Theta Edge Berhad pada awal tahun 2011. Beliau adalah Pengerusi Azeera Properties (M) Sdn Bhd dan Azman Azeez Properties Sdn Bhd dan juga Pengarah Eksekutif AVP Engineering (M) Sdn Bhd. Pada 1 Januari 2011, beliau telah dilantik untuk menjadi Ahli Lembaga Pengarah **TH**.

**Datuk Abdul Azeez** is from Petaling Jaya, Selangor. In 2002, he was appointed as the Executive Chairman of the Malaysian Islamic Economic Development Foundation (YPEIM) Secretariat Consultant, a post he holds presently. He has successfully steered YPEIM internationally with a recorded profit of almost RM5 million. He was formerly a Member on the Board of Directors of GIATMARA Malaysia from 2008 to 2010. He is currently a Member on the Board of Directors of Theta Edge Berhad and was appointed as its Chairman in early 2011. He is the Chairman of Azeera Properties (M) Sdn Bhd and Azman Azeez Properties Sdn Bhd as well as Executive Director of AVP Engineering (M) Sdn Bhd. He was appointed as a Member of **TH**'s Board of Directors on 1 January 2011.



### Ghazali Awang

Bachelors Degree in Commerce, University of Newcastle, N.S.W., Australia.  
Chartered Accountant, The Institute of Chartered Accountants in Australia.  
Registered Accountant, Malaysian Institute of Accountants (MIA).  
Diploma in Islamic Studies, International Islamic University of Malaysia (IIUM).  
Diploma Pengajian Syariah, Kolej Dar Al-Hikmah.  
Magister Agama (M.A.), Institut Agama Islam Negeri, Imam Bonjol, Padang.

### B. Jawatankuasa Pengurusan Risiko

Jawatankuasa Pengurusan Risiko yang ditubuhkan pada 10 Jun 2008 ini bertanggungjawab meneliti dan memantau pencapaian dan tahap Pelan Strategik Bahagian Pengurusan Risiko, termasuk meneliti segala inisiatif pengurusan risiko serta usaha-usaha menyerapkan budaya mengawal risiko di **TH**.

Keahlian:

#### Pengerusi

Tan Sri Dato' Hashim Meon  
(Dilantik pada 1 Januari 2011)

#### Ahli

Dato' Paduka Ismee Ismail

Ghazali Awang

Abdul Kadir Md Kassim

## BOARD COMMITTEES

### A. Audit Committee

The Audit Committee was formed on 1 January 1989 to assist the Board of Directors in reviewing, assessing and reporting audit-related matters which include audit plan, policies and internal procedures so as to ensure the effectiveness of the internal control system.

Membership:

#### Chairman

Tan Sri Dr. Abdul Samad Alias  
(Retired on 15 August 2011)

Ghazali Awang  
(Appointed on 15 September 2011)

#### Prime Minister's Department Representative

Datuk Othman Mahmood  
(Appointed on 16 January 2012)

Dato' Zainol Othman  
(Appointment tenure ended on 2 October 2011)

#### Treasury Representative

Dato' Dr. Mohd Irwan Serigar Abdullah  
(Appointed on 1 March 2011)

### B. Risk Management Committee

The formation of this committee was approved by the Board of Directors on 10 June 2008. Among its responsibilities are to deliberate and oversee the status and achievements of the Risk Management Department's Strategic Plan which covers all risk management initiatives and efforts to inculcate a risk management culture in **TH**.

Membership:

#### Chairman

Tan Sri Dato' Hashim Meon  
(Appointed on 1 January 2011)

#### Members

Dato' Paduka Ismee Ismail

Ghazali Awang

Abdul Kadir Md Kassim

## C. Lembaga Tender

Jawatankuasa ini ditubuhkan bagi meluluskan pembelian melalui tender dan kontrak melebihi RM10 juta hingga RM20 juta; dan juga bagi meluluskan permohonan tender dan perakuan kertas kerja untuk kelulusan Lembaga Pengarah bagi pembelian melalui tender dan kontrak melebihi RM20 juta.

Keahlian:

### Pengerusi

Tan Sri Dato' Sri Abi Musa Asa'ari Mohamed Nor

### Ahli

Dato' Paduka Ismee Ismail  
Wakil Perbendaharaan Malaysia  
Ketua Jabatan Kewangan Kumpulan  
Ketua Jabatan Pelaburan  
Ketua Jabatan Pentadbiran

### Setiausaha

Ketua Bahagian Pentadbiran dan Perolehan

## D. Jawatankuasa Urusan Haji

Jawatankuasa Urusan Haji yang dahulunya dikenali sebagai Jawatankuasa Kebajikan telah ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Urusan Tabung Haji 1969 (Akta 8). Menurut Seksyen 18(5) Akta tersebut, Jawatankuasa Kebajikan hendaklah dengan menurut dasar-dasar Lembaga, bertanggungjawab atas kebajikan, perlindungan, pengawalan dan kebajikan am orang-orang haji dan hendaklah mempunyai kuasa sebagaimana yang diwakilkan oleh Lembaga. Jawatankuasa tersebut juga bertanggungjawab ke atas Tabung Kebajikan Jemaah Haji Malaysia. Dengan berkuatkuasanya Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535), Jawatankuasa tersebut diteruskan berdasarkan peruntukan Seksyen 11(1).

## C. Tender Board

This committee is formed to approve purchases via tenders and contracts which value is between RM10 million and RM20 million; as well as to approve tender applications and paper work declarations for the endorsement of the Board of Directors for purchases via tenders and contracts which value exceeds RM20 million.

Membership:

### Chairman

Tan Sri Dato' Sri Abi Musa Asa'ari Mohamed Nor

### Members

Dato' Paduka Ismee Ismail  
Malaysian Treasury Representative  
Head of Group Financial Department  
Head of Investment Department  
Head of Administration Department

### Secretary

Head of Administration and Acquisition Department

## D. Hajj Affairs Committee

Formerly known as the Welfare Committee, this Committee was formed under the Lembaga Urusan Tabung Haji Act 1969 (Act 8). Under Section 18(5) of the Act, this Committee must adhere to the Board's policies, be responsible for the welfare, protection and control of the hajj pilgrims and possess the authority as that given by the Board. This committee is also responsible for the management of the Malaysian Pilgrims Welfare Fund. With the enforcement of the Tabung Haji Act 1995 (Act 535), the Committee's existence is continued based on the provision of Section 11(1) of the new Act.



Keahlian:

**Pengerusi**

Tan Sri Dato' Sri Abi Musa Asa'ari Mohamed Nor

**Ahli**

Dato' Paduka Ismee Ismail

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Husin

Datuk Othman Mahmood

(Dilantik pada 01 Mac 2012)

Datuk Zainol Othman

(Tamat tempoh lantikan pada 2 Oktober 2011)

Dato' Syed Saleh Syed Abdul Rahman

Rozaida Omar

**Setiausaha**

Pengurus Besar (Pengurusan Haji)

**E. Jawatankuasa Perkhidmatan**

Jawatankuasa yang ditubuhkan bagi melaksanakan Seksyen 13 dan 14 Akta Tabung Haji 1995 ini secara umumnya bertanggungjawab dalam perlantikan pegawai perkhidmatan, ejen, penasihat dan sebagainya serta berkuasa dalam membuat peraturan-peraturan berkaitan dengan syarat-syarat perkhidmatan dan tatatertib. Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab dalam penggubalan dasar serta pelaksanaannya di bawah arahan Ketua Pegawai Eksekutif mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Lembaga.

Keahlian:

**Pengerusi**

Datuk Othman Mahmood

(Dilantik pada 16 Januari 2012)

**Ahli**

Dato' Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah  
(Dilantik pada 1 Mac 2011)

Dato' Paduka Ismee Ismaail

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Husin

Tan Sri Dato' Hashim Meon

(Dilantik pada 1 Januari 2011)

Membership:

**Chairman**

Tan Sri Dato' Sri Abi Musa Asa'ari Mohamed Nor

**Members**

Dato' Paduka Ismee Ismail

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Husin

Datuk Othman Mahmood (Appointed on 1 March 2012)

Datuk Zainol Othman

(Appointment tenure ended on 2 October 2011)

Dato' Syed Saleh Syed Abdul Rahman

Rozaida Omar

**Secretary**

General Manager (Hajj Affairs)

**E. Services Committee**

This Committee was formed under Section 13 and 14 of the Tabung Haji Act 1995. In general, it handles the appointment of service officers, agents, advisors and others and has the authority to formulate rules and regulations on service conditions and discipline. The Committee is also responsible in enacting policies and implementing them under the directive of the Chief Executive Officer as provided by the guidelines fixed by the Board.

Membership:

**Chairman**

Datuk Othman Mahmood

(Appointed on 16 January 2012)

**Members**

Dato' Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah  
(Appointed on 1 March 2011)

Dato' Paduka Ismee Ismail

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Husin

Tan Sri Dato' Hashim Meon

(Appointed on 1 January 2011)

## **F. Jawatankuasa Tatatertib**

Antara tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa ini termasuklah menimbang serta menentukan hukuman tatatertib ke atas anggota-anggota yang melanggar syarat-syarat perkhidmatan dan peraturan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa, disamping terlibat dalam menimbang dan meluluskan pengisytiharan harta. Jawatankuasa ini terbahagi kepada dua jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Tatatertib Kumpulan Pengurusan & Eksekutif dan Jawatankuasa Tatatertib Kumpulan Bukan Eksekutif.

Keahlian Jawatankuasa Tatatertib Kumpulan Pengurusan & Eksekutif:

### **Pengerusi**

Datuk Othman Mahmood  
(Dilantik pada 16 Januari 2012)

### **Ahli**

Dato' Paduka Ismee Ismail  
Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Husin  
Dato' Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah  
(Dilantik pada 1 Mac 2011)  
Tan Sri Dato' Hashim Meon  
(Dilantik pada 1 Januari 2011)

Keahlian Jawatankuasa Tatatertib Kumpulan Bukan Eksekutif:

### **Pengerusi**

Datuk Othman Mahmood  
(Dilantik pada 16 Januari 2012)

### **Ahli**

Abdul Halim Md Jamil  
Mohd Yassin Tahir  
Abd. Kadir Sahlan  
Mohd Hisham Harun

## **F. Disciplinary Committee**

This committee is tasked to assess and determine disciplinary actions on employees who breached the terms and conditions of their appointments as well as rules and regulations that are enforced from time to time, apart from assessing and approving asset declarations. This Committee is divided into two divisions i.e. Management & Executive Disciplinary Committee and Non-Executive Disciplinary Committee.

Membership of the Management & Executive Disciplinary Committee:

### **Chairman**

Datuk Othman Mahmood  
(Appointed on 16 January 2012)

### **Members**

Dato' Paduka Ismee Ismail  
Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Husin  
Dato' Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah  
(Appointed on 1 March 2011)  
Tan Sri Dato' Hashim Meon  
(Appointed on 1 January 2011)

Membership of the Non-Executive Disciplinary Committee:

### **Chairman**

Datuk Othman Mahmood  
(Appointed on 16 January 2012)

### **Members**

Abdul Halim Md Jamil  
Mohd Yassin Tahir  
Abd. Kadir Sahlan  
Mohd Hisham Harun



## G. Jawatankuasa Rayuan Tatatertib

Sebarang rayuan daripada anggota Tabung Haji berhubung dengan pensabitan serta hukuman yang dikenakan oleh Jawatankuasa Tatatertib akan didengar, dipertimbangkan dan diputuskan oleh Jawatankuasa ini. Jawatankuasa juga bertanggungjawab untuk memeriksa dan mengkaji mana-mana keputusan pensabitan serta hukuman yang telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa Tatatertib.

Keahlian:

### Pengerusi

Tan Sri Dato' Sri Abi Musa Asa'ari Mohamed Nor

### Ahli

Tan Sri Dato' Paduka Haji Badruddin Amirul din

Ghazali Awang

(Dilantik pada 1 September 2011)

## H. Jawatankuasa Penasihat Syariah

Jawatankuasa yang baru ditubuhkan pada 1 Mei 2010 ini berperanan sebagai sumber rujukan bagi Lembaga Pengarah **TH** mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan Syariah.

Keahlian:

### Pengerusi

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Husin

### Ahli

Tan Sri Sheikh Ghazali Abdul Rahman

Brig. Jen. (B) Dato' Najmi Ahmad

## G. Disciplinary Appeal Committee

This Committee is tasked with the responsibility to hear, deliberate and make decisions on all appeals made by employees who are found guilty by the Disciplinary Committee. This Committee is also responsible to verify and scrutinise all verdicts and punishments meted out by the Disciplinary Committee.

Membership:

### Chairman

Tan Sri Dato' Sri Abi Musa Asa'ari Mohamed Nor

### Members

Tan Sri Dato' Paduka Haji Badruddin Amirul din

Ghazali Awang

(Appointed on 1 September 2011)

## H. Syariah Advisory Committee

This new Committee which was formed on 1 May 2010 acts as a source of reference for the Board of Directors regarding Syariah-related matters.

Membership:

### Chairman

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Husin

### Members

Tan Sri Sheikh Ghazali Abdul Rahman

Brig. Jen. (B) Dato' Najmi Ahmad

Bagi melancarkan lagi pengurusan dan operasi Tabung Haji, beberapa Jawatankuasa yang tidak melibatkan Jemaah Lembaga Pengarah juga telah diwujudkan di bawah Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535). Antaranya ialah:

### I. Panel Pelaburan

Jawatankuasa ini bertanggungjawab dalam membantu Jemaah Lembaga Pengarah di dalam hal-hal berkaitan pelaburan. Antara tugas utama Jawatankuasa ini adalah seperti berikut:

1. Menilai dan menasihati pengurusan mengenai dasar-dasar pelaburan **TH**.
2. Menimbang dan memperakurkan setiap cadangan pembelian, penambahan dan penjualan pelaburan ekuiti jangka panjang, pelaburan hartanah, pelaburan dalam instrumen pasaran wang dan bon, peruntukan dana untuk pelaburan ekuiti jangka pendek dan pengurus aset luar yang dilantik, pembiayaan **TH** kepada anak syarikatnya dan penstrukturkan semula pelaburan-pelaburan **TH** sedia ada.
3. Menilai keberkesanan polisi alokasi aset.
4. Menimbang dan memperakurkan perlantikan dan penamatan perkhidmatan sesebuah Institusi Kewangan sebagai pengurus aset.
5. Meneliti kedudukan kewangan **TH** dari semasa ke semasa.
6. Menimbang apa-apa perkara yang difikirkan sesuai.

Keahlian:

Sila rujuk seksyen Panel Pelaburan Tabung Haji di bahagian Maklumat Korporat bagi keahlian Panel Pelaburan.

### J. Majlis Penasihat Haji

Penubuhan Majlis Penasihat Haji adalah mengikut Seksyen 11(1), Akta Tabung Haji (Akta 535). Majlis ini bertanggungjawab untuk menasihati Menteri Pentadbir berkenaan kebijakan jemaah haji dan perkara-perkara yang dirujuk padanya berhubung dengan isu-isu urusan haji.

Apart from the Committees above, several other committees are set up without the involvement of the Board of Directors Members under the Tabung Haji Act 1995 (Act 535) to assist in the management and operations of Tabung Haji. Among them are:

### I. Investment Panel

This committee is responsible to help the Board of Directors in investment-related matters. Among its key tasks are:

1. To assess and advise **TH** Management on its investment policies.
2. To assess and approve purchasing proposals, upgrades and sale of long term equity investments, property investments, bonds and financial instruments investments, funds allocations for short term equity investments and appointed external asset manager, subsidiaries' financing, and the restructuring of existing investments.
3. To study the effectiveness of the asset allocation policy.
4. To evaluate and approve the appointment and termination of Financial Institutions as asset manager.
5. To study the financial position of **TH** from time to time.
6. To deliberate on any other matters deemed appropriate.

Membership:

Please refer to the section on Tabung Haji Investment Panel under Corporate Information for details on its membership.

### J. Hajj Advisory Council

This Council was formed in accordance with Section 11(1), Tabung Haji Act (Act 535). Its responsibility is to advise the Administering Minister on matters regarding the hajj pilgrims' welfare and other hajj-related issues.



Majlis ini juga berfungsi memberi maklumbalas kepada pengurusan **TH** berkaitan isu-isu yang dihadapi oleh jemaah haji di samping memberi cadangan untuk meningkatkan perkhidmatan kepada jemaah haji.

Keahlian:

Sila rujuk seksyen Majlis Penasihat Haji di bahagian Maklumat Korporat bagi keahlian Majlis Penasihat Haji.

## K. Jawatankuasa Penasihat Ibadah Haji

Jawatankuasa Penasihat Ibadah Haji ditubuhkan dalam tahun 1983. Jawatankuasa ini bertanggungjawab memutuskan kedudukan hukum-hakam berkaitan isu-isu ibadat haji dari masa ke semasa disamping menasihati pengurusan **TH** berkaitan isu dan bahan terbitan mengenai perlaksanaan ibadat haji. Jawatankuasa ini juga berperanan sebagai Pakar Rujuk Ibadat Haji di Tanah Suci. Keahlian Jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji pada tahun 2011 adalah seperti berikut:

Keahlian:

### Pengerusi

Sahibus Samahah Dato' Seri Haji Hassan  
Haji Ahmad

### Ahli

Dato' Haji Nooh Gadot  
Dato' Haji Wan Mohamad Dato' Sheikh Abdul Aziz  
Dato' Haji Fadzil Awang  
Prof. Madya Datin Dr. Siti Zalikhah Haji Md. Nor  
Prof. Madya Dr. Anisah Abdul Ghani  
Hajah Maznah Daud  
Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri  
Prof. Madya Dr. Hajah Raihanah Azahari  
(Dilantik pada 30 Jun 2011)  
Razali Shahabudin  
(Dilantik pada 12 Julai 2011)

### Setiausaha

Pengurus Besar (Bimbingan)

The committee also provides feedbacks to **TH** Management regarding issues faced by the hajj pilgrims apart from providing suggestions on how to improve the existing hajj management services.

Membership:

Please refer to the section on Hajj Advisory Council under Corporate Information for details on its membership.

## K. Hajj Ibadah Advisory Committee

The Hajj Ibadah Advisory Committee was established in 1983. The Committee is responsible for deciding the position of relevant laws and regulations pertaining to Hajj issues from time to time as well as advising **TH** management on issues and publications related to the performing of Hajj. The committee also serves as a Reference Point for Hajj related matters in the Holy Land. Membership of the Advisory Committee in 2011 is as follows:

Membership:

### Chairman

Sahibus Samahah Dato' Seri Haji Hassan  
Haji Ahmad

### Members

Dato' Haji Nooh Gadot  
Dato' Haji Wan Mohamad Dato' Sheikh Abdul Aziz  
Dato' Haji Fadzil Awang  
Prof. Madya Datin Dr. Siti Zalikhah Haji Md. Nor  
Prof. Madya Dr. Anisah Abdul Ghani  
Hajah Maznah Daud  
Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri  
Prof. Madya Dr. Hajah Raihanah Azahari  
(Appointed on 30 June 2011)  
Razali Shahabudin  
(Appointed on 12 July 2011)

### Secretary

General Manager (Guidance)

## AKAUNTABILITI DAN AUDIT

### Laporan Kewangan

Ahli Lembaga Pengarah adalah bertanggungjawab dalam penyediaaan penyata kewangan yang diaudit dan memastikan, setelah membuat pertanyaan yang munasabah mengikut pengetahuan dan kepercayaan mereka yang terbaik, bahawa penyata kewangan tersebut disediakan menurut prinsip perakaunan yang diterima umum dan piawaian-piawaian perakaunan berkenaan yang diluluskan di Malaysia serta diubahsuai menurut kehendak hukum-hukum syarak.

Ahli Lembaga Pengarah turut bertanggungjawab memastikan kesemua laporan penyata kewangan yang dibentangkan adalah secara benar, saksama dan komprehensif tentang kedudukan kewangan Tabung Haji dan Kumpulan kepada semua pendeposit dan juga orang awam.

### Kawalan Dalaman

Ahli Lembaga Pengarah adalah komited dalam pelaksanaan sistem kawalan dalaman Tabung Haji. Maklumat berkenaan sistem kawalan dalaman serta tinjauan menyeluruh berhubung kedudukan kawalan dalaman dibentangkan di seksyen Penyata Kawalan Dalaman di dalam Laporan Tahunan ini.

### Perhubungan dengan Juruaudit

Ahli Lembaga Pengarah adalah berperanan mewujudkan satu perhubungan yang rasmi dan telus bersama Juruaudit Negara bagi Tabung Haji dan juruaudit swasta bagi syarikat subsidiari. Penemuan audit bagi Tabung Haji akan diajukan kepada Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif sebelum tindakan susulan dijalankan. Jawapan kepada penemuan audit yang penting dibentangkan secara rasmi di dalam mesyuarat penutupan audit (Exit Conference Meeting) di hadapan Ketua Audit Negara.

Pemantauan berterusan juga dijalankan oleh pegawai di setiap bahagian dan jabatan bagi teguran audit yang diterima. Penemuan audit bagi syarikat subsidiari pula dibincangkan di peringkat Jawatankuasa Audit syarikat subsidiari. Peranan Juruaudit Dalam dibentangkan di seksyen Laporan Jawatankuasa Audit di dalam Laporan Tahunan ini.

## ACCOUNTABILITY AND AUDIT

### Financial Report

The Board of Directors is responsible for preparing the audited financial statement and, after making reasonable queries to the best of its knowledge, ensuring that the statement is prepared in accordance with the generally-accepted accounting principles and relevant approved accounting standards in Malaysia as well as the Syarak Law requirements.

The Board of Directors is also responsible to ensure that all the financial statements that reflect the financial position of Tabung Haji and the Group are presented in a true, balanced and comprehensive manner to the depositors and the public.

### Internal Control

The Board of Directors is committed in executing an internal control system in Tabung Haji. Information with regards to the system and the general overview of the state of internal control are presented in the Internal Control Statement section in this Annual Report.

### Relation with Auditors

The Board of Directors has formed an official and transparent rapport with the Auditor General for Tabung Haji and independent auditors for its subsidiaries. Audit findings on Tabung Haji are forwarded to the Group Managing Director and Chief Executive Officer for follow-up actions. Responses to significant audit findings are formally presented to the Auditor-General at the Exit Conference Meeting.

Further monitoring is conducted and carried out by officers at every division and department based on the meeting's feedbacks. Audit findings on subsidiaries are discussed at the respective Audit Committee meetings of the subsidiaries. The role of the Internal Auditor is presented in the Audit Committee Report section in this Annual Report.



## LAIN-LAIN

### Komunikasi dengan Pendeposit

Sebagai sebuah Badan Berkanun yang mempunyai tanggungjawab dan kepentingan masyarakat yang luas, Ahli Lembaga Pengarah mengiktiraf akan kepentingan Tabung Haji dalam memberi maklumat yang tepat berkenaan prestasi dan perkara-perkara lain yang melibatkan kepentingan pendeposit dan orang awam.

Untuk mencapai matlamat ini, kaedah-kaedah yang digunakan adalah melalui kenyataan akhbar, laman web Tabung Haji [www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my), laporan tahunan, Tabung Haji Contact Centre (THCC) dan lain-lain pengumuman melalui media.

## OTHERS

### Communications with Depositors

As a responsible Statutory Body, the Board of Directors recognizes the importance of disseminating accurate information regarding its performance and other relevant matters that involve the interest of the depositors and the public.

The platforms used to disseminate information are through press statements, the Tabung Haji website [www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my), annual reports, the Tabung Haji Contact Centre and other announcements via mass media.

# Penyata Kawalan Dalaman

## Internal Control Statement

Lembaga Pengarah meletakkan keutamaan tinggi terhadap keperluan untuk mengekalkan keutuhan sistem kawalan dalaman bagi menjaga wang simpanan pendeposit dan aset **TH**. Lembaga Pengarah, pada dasarnya, bertanggungjawab untuk memastikan keberkesanan, kecukupan serta integriti sistem kawalan dalaman dan sistem pengurusan maklumat dari segi aspek-aspek kewangan dan bukan kewangan.

Sistem kawalan dalaman yang berkesan akan dapat menyediakan keyakinan yang munasabah dan bukannya keyakinan mutlak terhadap salah nyata, kerugian atau penipuan. Namun begitu sistem kawalan ini direka bentuk bagi memastikan risiko-risiko yang dihadapi oleh Lembaga dalam usaha untuk mencapai objektif penubuhan, dapat dikenalpasti dan diurus pada tahap yang sewajarnya tetapi bukan untuk sama sekali menghapuskan risiko-risiko ini.

Berikut adalah unsur-unsur penting dalam kawalan dalaman **TH** dan Kumpulan:

### i. Struktur Organisasi dan Pentadbiran

- Struktur organisasi telah ditakrifkan dengan jelas berserta dengan arah aliran tanggungjawab dan akauntabiliti.
- Pelbagai jawatankuasa seperti Panel Pelaburan, Lembaga Tender, Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Pengurusan Risiko, Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif, Jawatankuasa Tender, Jawatankuasa Pengurusan Kewangan, Jawatankuasa Penilaian Portfolio dan sebagainya ditubuhkan bagi membantu pihak pengurusan mengurangkan risiko kewangan, risiko pelaburan dan risiko operasi.

The Board of Directors places top priority on the need to maintain the integrity of the internal control system in order to protect the depositors' funds and **TH**'s assets. Fundamentally, the Board of Directors is responsible to ensure the effectiveness, adequacy and integrity of the internal control system and the information management system in terms of financial and non-financial aspects.

An effective internal control system can provide a reasonable but not absolute assurance against misstatements, losses or fraud. Nevertheless, the control system is designed to ensure that the Board in its effort to achieve its objectives can identify and manage, but not entirely eliminate, risks to an acceptable level.

The key elements in the internal control of **TH** and the Group are:

#### i. Organisational Structure and Administration

- The organisational structure has been clearly defined along with the flow of responsibility and accountability.
- Various committees such as the Investment Panel, Tender Board, Audit Committee, Risk Management Committee, Executive Management Committee, Tender Committee, Financial Management Committee, Portfolio Review Committee and others are established to assist the management to mitigate financial, investment and operational risks.



- Penyediaan Manual Kuasa Tabung Haji (MKTH) bagi setiap Jabatan di **TH**, dapat meningkatkan lagi akauntabiliti serta memantapkan lagi kawalan dalaman. MKTH secara amnya menyatakan tahap dan had kuasa pengurusan, dibentangkan dan diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah. Segala pindaan polisi memerlukan kelulusan Lembaga Pengarah manakala segala pindaan operasi memerlukan kelulusan Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif. Bagi tujuan pematuhan MKTH, pemantauan berterusan dijalankan oleh pengurusan dan Bahagian Pengurusan Audit Dalam. Ini adalah untuk memastikan kawalan dalaman bukan sahaja wujud tetapi dilaksanakan dan berfungsi dengan berkesan.
- Bahagian Pengurusan Audit Dalam yang diwujudkan melapor terus kepada Jawatankuasa Audit, dengan tanggungjawab untuk melaksanakan tugas audit ke atas semua jabatan dan cawangan bagi menilai keberkesanan, kecukupan dan kebolehpercayaan kawalan dalaman serta mengetengahkan sebarang risiko yang ketara.
- Bagi memantau sistem kawalan dalaman Anak-anak Syarikat, **TH** telah mengarahkan penubuhan Jabatan atau Bahagian Audit Dalaman untuk syarikat-syarikat subsidiari. Selain daripada itu, **TH** juga mewakilkan sekurang-kurangnya seorang Ahli Lembaga Pengarah atau pegawai daripada pengurusan **TH** bagi mengawal setiap syarikat subsidiarinya.
- Bahagian Pengurusan Audit Dalam juga membuat auditan di ibu pejabat, pejabat-pejabat cawangan dan syarikat subsidiarinya.
- Pemeriksaan tunai dan lawatan mengejut dibuat ke pejabat-pejabat cawangan **TH** secara berterusan.
- The Tabung Haji Authority Manual (THAM) for each department further increases accountability and enhances internal control. The THAM generally sets the level and limit of authority of the management, as presented and approved in the Board of Directors' Meeting. All policy amendments require the approval of the Board, while all operational amendments require the approval of the Executive Management Committee. Continuous monitoring is done by the management and the Internal Audit Management Division to ensure that the internal controls are running and functioning effectively.
- The Internal Audit Management Division has been established and tasked to report directly to the Audit Committee. The division audits all departments and branches to assess the efficiency, adequacy and credibility of their internal control systems and subsequently notifies the departments and branches of any apparent risks.
- To monitor its subsidiaries' internal control systems, **TH** has directed the setting up of Departments or Internal Audit Divisions within the subsidiaries. In addition, **TH** has appointed at least one Board Member or management executive from **TH** to control each subsidiary company.
- The Internal Audit Management Division also audits the headquarters, branch offices and subsidiaries.
- Unscheduled cash inspections and visits are continuously conducted at **TH** branch offices.

- Bahagian Pengurusan Risiko telah menyediakan *risk mapping* untuk **TH** dan kaedah yang dipraktikkan adalah secara Kaedah Kawalan dan Kaedah Penilaian Sendiri Risiko (Control Self Assessment of Risks). Pembentukan *risk mapping* dilaksanakan setelah mengambilkira kebarangkalian berlakunya sesuatu kejadian risiko (Probability of Occurrence) serta kesan seandainya berlaku kejadian tersebut. Pada peringkat korporat pula (Enterprise or Corporate Risks), ia adalah berlandaskan kepada pengenalan risiko yang tinggi serta kawalan-kawalan yang telah ada untuk fungsi-fungsi kritikal di **TH**. *Risk Mapping* ini dipantau dan disemak semula setiap 3 bulan atau apabila perlu bagi menilai keberkesanan kawalan-kawalan risiko dan pelan tindakan.
- Bahagian Pengurusan Risiko juga berperanan untuk mewujudkan budaya kesedaran dan kefahaman risiko di semua peringkat **TH**.

## ii. Pelaburan

- Bagi urusan pelaburan, satu Jawatankuasa Penasihat Pelaburan yang dikenali sebagai Panel Pelaburan telah ditubuhkan mengikut Seksyen 11(1) Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535). Panel Pelaburan ini bertanggungjawab menasihati Jemaah Lembaga Pengarah dalam menjalankan tanggungjawabnya untuk menimbang dan memberi persetujuan ke atas apa-apa cadangan pelaburan yang dikira sesuai untuk **TH** sebelum ianya diangkat untuk kelulusan Yang Berhormat Menteri.
- Panel ini juga akan menasihatkan Pengurusan **TH** ke atas keberkesanan aktiviti dan kawalan dalam pelaburan **TH** dalam usaha mempertingkatkan nilai pelaburannya serta memperolehi pulangan yang kompetitif.

- The Risk Management Division has prepared a risk mapping for **TH** and applied a risk methodology on the basis of Control Self Assessment of Risks. Risk mapping is formed after taking into account the probability of occurrence of a risk and its impact. For enterprise or corporate risks, it is based on identifying extreme risks and the available controls for **TH**'s critical functions. The risk mapping is monitored and reviewed every three months, or when necessary, to re-assess the effectiveness of the risk controls and action plans.
- The Risk Management Division is also responsible to inculcate a culture of risk awareness and understanding at every level in **TH**.

### ii. Investment

- An Investment Advisory Committee known as the Investment Panel has been set up under Section 11(1) Tabung Haji Act 1995 (Act 535). The panel is responsible to advise the Board of Directors to carry its responsibility in assessing and approving any viable investment proposals prior to submission for the approval of the Administering Minister.
- The Panel also advises **TH** Management on the effectiveness and internal control of investment-related matters to ensure favorable and competitive returns.



Fungsi Panel Pelaburan adalah seperti berikut:

- Menilai dan menasihati pengurusan mengenai dasar-dasar pelaburan **TH**.
- Menimbang dan memperakukan setiap cadangan:
- pembelian, penambahan dan penjualan pelaburan ekuiti jangka panjang.
- pelaburan hartanah.
- pelaburan dalam instrumen pasaran wang dan bon.
- peruntukan dana untuk pelaburan ekuiti jangka pendek dan pengurus aset luar yang dilantik.
- pembiayaan **TH** kepada anak syarikatnya.
- penstrukturkan semula pelaburan-pelaburan **TH** sedia ada.
- menilai keberkesanan polisi alokasi aset.
- menimbang dan memperakukan pelantikan dan penamatan perkhidmatan sesebuah Institusi Kewangan sebagai pengurus aset.
- meneliti kedudukan kewangan **TH** dari semasa ke semasa.
- menimbang apa-apa perkara yang difikirkan sesuai.
- Perlaksanaan aktiviti pelaburan dibuat melalui proses kelulusan yang mantap. Prospek-prospek pelaburan perlu melalui Bahagian Pengurusan Risiko, Jawatankuasa Penilaian Portfolio dan seterusnya dikemukakan untuk perakuan Panel Pelaburan yang akan memberi pandangan serta nasihat untuk dibawa kepada Lembaga Pengarah bagi persetujuan serta kelulusan dan seterusnya ke peringkat kelulusan Menteri.

The functions of the Investment Panel are as follows:

- To assess and advise the management on **TH** investment policies
  - To assess and certify proposals covering that of:
    - purchases, increase and sales of long-term equity investments
    - property investments
    - investments in bonds and financial instruments
    - fund allocations for short-term equity investments and appointment of external asset managers
  - financing for **TH** subsidiaries
  - restructuring of existing **TH** investments
  - the effectiveness of the asset allocation policy
  - the appointment or termination of financial institutions that act as asset managers
  - the monitoring of the financial position of **TH** from time to time
  - other relevant matters.
- Investment activities are implemented via a thorough process of approvals. All investment prospects must first go through the Risk Management Division and Portfolio Review Committee. They are then submitted to the Investment Panel for endorsement. The Panel will give its views on these proposed investments before presenting them to the Board of Directors for initial approval. The proposed investments will then be tabled to the Administering Minister for the final approval.

- Melalui proses pengurusan pelaburan di atas, **TH** telah mengamalkan pengasingan kuasa (segregation of powers). Segala cadangan pelaburan mestilah mendapat perakuan Panel Pelaburan bebas yang ahli-ahlinya adalah daripada kalangan para profesional berpengalaman termasuk pakar undang-undang Syariah dan ahli-ahli perniagaan terpilih. Setelah diperakuan oleh Panel Pelaburan, cadangan pelaburan ini seterusnya dibawa untuk kelulusan Lembaga Pengarah yang mana ahli-ahlinya tidak terlibat dengan Panel Pelaburan. Sebarang keputusan di dalam sesuatu cadangan pelaburan tidak akan dilaksanakan sebelum kelulusan dibuat di setiap peringkat Jawatankuasa-jawatankuasa berkaitan.
- Segregation of powers is achieved as a result of the existing investment management process. All investment proposals must be endorsed by the independent Investment Panel whose members consist of Syariah Law experts and selected business professionals. The proposals are then submitted to the Board of Directors whose members have no relations to the Investment Panel. No decision will be made until approvals are secured at every committee level.

### iii. Khidmat Pendeposit dan Operasi

- Penyediaan kemudahan perkhidmatan pengeluaran dan simpanan melalui mesin ATM/ CDM dengan kerjasama Bank Islam, Bank Rakyat dan Maybank Islamic bagi membolehkan pelanggan mengendalikan sendiri urusan perbankan mereka dengan lebih mudah.
- Penggunaan khidmat Contact Centre pula adalah untuk menangani sebarang pertanyaan atau aduan daripada orang awam terutamanya pelanggan **TH** secara lebih cekap dan berkesan.

### iv. Kewangan

- Sistem Pengurusan Kewangan (Financial Management System – FMS) di **TH**, sentiasa melalui usaha penambahbaikan berterusan bagi memantapkan lagi sistem perakaunan dan kewangan serta pelaporan **TH**.
- Dari sudut pengurusan bajet, **TH** mengamalkan budaya berbelanja secara berhemah di mana bajet yang diluluskan tidak bermakna ianya akan dibelanjakan. Pendekatan **TH** adalah berbelanja mengikut keutamaan dan pada masa yang sama memastikan kualiti perkhidmatan berada di tahap yang cemerlang.

### iii. Operations and Depositors Services

- The provision of withdrawal and deposit services via ATM/CDM with the support of Bank Islam, Bank Rakyat and Maybank Islamic has made it convenient for customers to run their banking transactions on their own.
- The setting up of the Tabung Haji Contact Centre allows **TH** to address queries and complaints by the general public specifically **TH** customers in a more efficient and effective manner.

### iv. Finance

- The Financial Management System (FMS) at **TH** is constantly being upgraded to strengthen **TH** accounting and financial reporting practices.
- In terms of budget management, **TH** practises a prudent spending culture whereby what has been approved need not necessarily be spent entirely. **TH** takes the approach of spending according to priorities but not at the expense of its services' quality.



## v. Sistem dan Teknologi

- Perlaksanaan *IT Blueprint* untuk empat sistem aplikasi utama iaitu Sistem Pendeposit, Haji, Hartanah dan Sumber Manusia sentiasa melalui usaha penambahbaikan berterusan bagi memantapkan kawalan serta memastikan proses kerja berjalan dengan lebih efisien dan efektif. **TH** juga telah melaksanakan urusan perolehan secara Sistem Perolehan Elektronik (ePS) selaras dengan usaha Kerajaan bagi meningkatkan kecekapan serta kawalan dalam segala urusan perolehan.
- Penggunaan Sistem 'Mykad' dan Sistem Biometrik di dalam urusan operasi adalah di antara kawalan dalaman yang dilaksanakan oleh **TH**.
- **TH** telah mewujudkan Dasar Teknologi Maklumat dan Komunikasi (Information and Communications Technology – ICT) **TH** yang menggariskan dasar serta prosedur untuk memastikan akan keselamatan, kerahsiaan, kewibawaan dan ketersediaan pengurusan maklumat, data serta aplikasi di dalam organisasi.
- Proses kerja dipertingkatkan melalui perlaksanaan dan persijilan oleh pihak SIRIM Berhad dalam Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MS ISO 9001:2008. Sehingga kini Jabatan Haji serta Jabatan Khidmat Pendeposit dan Operasi telah dapat mengekalkan serta memperbaharui persijilan tersebut. Selain itu **TH** turut mendapat persijilan ke atas Pengurusan Perolehan pada 11 November 2011. Pengurusan **TH** mempunyai komitmen untuk memperluaskan perlaksanaan SPK MS ISO 9001:2008 ini di semua Jabatan secara berperingkat.

## vi. Pengurusan Sumber Manusia

- Peningkatan tahap profesionalisme di kalangan anggota **TH** dikekalkan melalui proses pengambilan, program latihan dan sistem penilaian prestasi yang bersesuaian. **TH** telah menetapkan Indeks Penilaian Prestasi (Key Performance Indicators – KPI) dalam membuat penilaian tahunan ke atas prestasi pengurusan pertengahan dan tertinggi.

## v. Technology and System

- The IT Blueprint System for four main applications, namely Deposits, Hajj, Properties and Human Resource, is constantly being upgraded to enhance control and ensure work processes run more efficiently and effectively. The adoption of an Electronic Procurement System (ePS) is in line with the Government's efforts to enhance efficiency and control in all aspects of procurement.
- The use of the MyKad System and Biometrics System in its operations are among the forms of internal controls undertaken by **TH**.
- **TH** Information and Communications Technology (ICT) is formulated and documented to outline policies and procedures needed to determine security, confidentiality, integrity and availability of information, data and application within the organisation.
- The existing work processes are enhanced with the implementation and certification of Quality Management System (QMS) ISO 9001:2008 by SIRIM Berhad. To date, the Hajj Department and the Operations and Depositors Service Department have managed to maintain as well as improve upon the certification. Apart from this, **TH** also obtained the Procurement Management certification on 11 November 2011. **TH** Management is committed to expand the implementation of QMS ISO 9001:2008 to all its departments in stages.

## vi. Human Resource Management

- Professionalism enhancement among **TH** staff is maintained through hiring processes, training programs and viable performance assessment systems. **TH** has fixed Key Performance Indicators (KPI) to assess the yearly performance of its middle and top management.

- Dasar Bagi Pendedahan Maklumat Tentang Salah Laku Di Tempat Kerja (Whistle Blowing Policy) diwujudkan bagi memastikan proses pelaporan maklumat salah laku anggota dibuat mengikut kaedah-kaedah dan cara yang diperuntukkan oleh polisi dalaman dengan lebih telus dan berkesan. Ini adalah sebagai salah satu usaha **TH** untuk mempertingkatkan kualiti urustadbir korporat.
- Dasar ini memudahkan pendedahan maklumat dibuat seberapa awal dan membolehkan **TH** mengambil langkah awal menangani pendedahan berkaitan salah laku. Pengwujudan polisi ini juga bertujuan untuk memberi perlindungan kepada pemberi maklumat untuk membuat laporan kepada pihak yang bertanggungjawab menerima dan meneliti aduan serta melindungi kerahsiaan pemberi maklumat. Pemberi maklumat adalah sesiapa sahaja dari kalangan orang berikut:
  - (i) anggota Tabung Haji;
  - (ii) orang awam; dan
  - (iii) mereka yang menjalankan perkhidmatan untuk Tabung Haji termasuk kontraktor dan/ atau perunding ("Penyedia Perkhidmatan").
- Dasar ini tidak meliputi aduan tentang:
  - (i) perkara yang bersifat remeh atau berniat jahat atau didorong oleh agenda peribadi atau perasaan benci;
  - (ii) perkara yang belum diputuskan menerusi prosiding tatatertib **TH**; dan
  - (ii) perkara yang belum diputuskan menerusi mana-mana tribunal atau pihak berkuasa atau mahkamah, prosiding timbang tara atau prosiding lain seumpamanya.
- TH** juga telah menguatkuasakan peraturan-peraturan tatatertib iaitu Peraturan-Peraturan Tatatertib Tabung Haji 2010 dan Peraturan-Peraturan Tabung Haji (Jawatankuasa Tatatertib dan Jawatankuasa Rayuan Tatatertib) 2010.
- The Whistle Blowing Policy is put in place to ensure that the reporting process for cases of misconduct is done according to the internal control provisions in a transparent and effective manner. This is one of **TH**'s continuous efforts in enhancing the quality of its corporate governance.
- This policy facilitates the early reporting of misconduct and enables **TH** to take initial steps to handle such cases. This policy is also developed to protect the whistleblower and maintain confidentiality in the reporting of the misconduct to the body that is responsible to receive and review the report. A whistleblower can be anyone that includes:
  - (i) Tabung Haji staffs;
  - (ii) the general public; and
  - (iii) those who conduct dealings with Tabung Haji including contractors and/or consultants ("Service Provider").

This policy does not cover:

- (i) those matters that are trivial or ill-intentioned or driven by personal agendas or hatred;
  - (ii) matters that have yet been decided by **TH** disciplinary proceeding; and
  - (iii) matters that have yet been decided by any tribunal or regulatory body or court, arbitrary proceedings or other proceedings of its nature.
- TH** has also enforced the 2010 Tabung Haji Rules of Conduct and Tabung Haji Regulations (Disciplinary Committee and Disciplinary Appeal Committee) 2010.



- Kursus pengukuhan kerja dan ceramah integriti diberikan kepada anggota bagi memantapkan pemahaman berkaitan prosedur kerja, dasar-dasar serta peraturan yang sedia ada di samping menerapkan sikap akauntabiliti dan pematuhan kepada prosedur dan peraturan kerja.
- Dasar pusingan kerja terutama dalam kalangan anggota teller dilaksanakan secara berperingkat serta berterusan.

Lembaga Pengarah berpuas hati dengan sistem kawalan dalaman yang telah diwujudkan sama ada di peringkat **TH** mahupun Kumpulan dan akan terus menjalankan proses mengenalpasti, menganalisa dan mengurus risiko utama yang mungkin dihadapi sepanjang tahun. Proses tersebut akan selalu dikaji oleh Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa Audit dan pemeriksaan akan dilakukan dengan panduan Piagam Audit Dalam dan Jawatankuasa Audit. Sistem kawalan dalaman yang telah dilaksanakan akan dipertingkatkan lagi dari semasa ke semasa selaras dengan perubahan persekitaran dan usaha ini adalah sesuatu yang berterusan.

Penyata ini telah disediakan sejajar dengan kelulusan Lembaga Pengarah bertarikh 5 April 2011.

- Work enhancement courses and integrity talks are given to staff to strengthen their understanding on work procedures, policies as well as existing guidelines apart from inculcating accountability and discipline towards work guidelines and procedures.
- Job rotation policy, especially among tellers, has been and will be implemented on continuous basis.

The Board of Directors is satisfied with the current internal control system at both **TH** and Group levels. It will continue the risk identification, analysis and management processes throughout the year. These processes will be reviewed constantly by the Board of Directors via the Audit Committee, and inspections will be made based on the Internal Audit Charter and with the guidance of the Audit Committee. The internal control system will be strengthened from time to time in line with current needs and is a continuous effort.

This statement is prepared in line with the Board of Directors approved made on 5 April 2011.

# Laporan Jawatankuasa Audit

## Audit Committee Report

### JAWATANKUASA AUDIT

Jawatankuasa Audit telah ditubuhkan pada 1 Januari 1989. Rujukan dan perlantikan ahli yang berkuatkuasa adalah mengikut surat Pekeliling Am Sulit Bil. 2 Tahun 1993 – Garis Panduan Mengenai Peranan dan Tanggungjawab Kementerian, Lembaga Pengarah dan Ketua Eksekutif dalam Pengurusan Badan-badan Berkanun Persekutuan.

### KEAHLIAN JAWATANKUASA AUDIT 2011

Jawatankuasa ini terdiri daripada Pengarah-Pengarah Bukan Eksekutif. Senarai Ahli Jawatankuasa dan rekod kehadiran mesyuarat sepanjang tahun 2011 adalah seperti berikut:

Nama Name	Status Jawatan Position	Kehadiran Mesyuarat Meeting Attendance
<b>Tan Sri Datuk Dr. Abdul Samad bin Haji Alias</b> (meletakkan jawatan sebagai Ahli Lembaga Pengarah <b>TH</b> dan juga merangkap Pengerusi JKA <b>TH</b> pada 15 Ogos 2011/ resigned as <b>TH</b> Board of Director and acting AC Chairman on 15 August 2011)	Pengerusi/Chairman Ahli Lembaga Pengarah/ Board Of Directors Member	2/2*
<b>Ghazali bin Awang</b> (dilantik sebagai Pengerusi JKA <b>TH</b> pada 15 September 2011/ appointed as AC Chairman on 15 September 2011)	Pengerusi/Chairman Ahli Lembaga Pengarah/ Board Of Directors Member	1/1*
<b>Dato' Zainol bin Othman</b> (bersara pada 2 Oktober 2011/ retired on 2 October 2011)	Ahli Lembaga Pengarah / Board Of Directors Member Wakil Jabatan Perdana Menteri/ Prime Minister's Department Representative	2/2*
<b>Dato' Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah</b> (dilantik pada 1 Mac 2011/ appointed on 1 March 2011)	Ahli Lembaga Pengarah/ Board Of Directors Member Wakil Perbendaharaan/ Treasury Representative	2/3

\* menggambarkan jumlah mesyuarat yang diadakan semasa Ahli Jawatankuasa memegang jawatan

\* depicts the number of meetings held during the Committee Members' tenure

### AUDIT COMMITTEE

The Audit Committee was established on Jan 1, 1989. Reference and appointment of its active members are in accordance to the Confidential General Circular No. 2 1993 – Guidelines on Roles and Responsibilities of Ministry, Board of Directors and Chief Executive in Federal Statutory Body Management.

### 2011 AUDIT COMMITTEE MEMBERSHIP

This committee comprises Non-Executive Directors as Members. Their names and meeting attendance record for 2011 are as follows:



## KEKERAPAN MESYUARAT

Jawatankuasa Audit telah bermesyuarat sebanyak tiga kali sepanjang tahun 2011. Kuorum mesyuarat ialah 2 orang ahli dan Ketua Audit Dalam sebagai Setiausaha. Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif serta Pengurusan Kanan **TH** akan turut hadir atas jemputan daripada Jawatankuasa.

## BIDANG KUASA, TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA AUDIT

### BIDANG KUASA

Jawatankuasa Audit diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk:

- Menyiasat semua aktiviti yang termasuk dalam bidang kuasanya.
- Memperolehi semua sumber yang diperlukan bagi menjalankan tugasnya.
- Bebas memperolehi semua maklumat dan dokumen yang berkaitan dengan semua aktivitinya.
- Bebas berhubung terus dengan juruaudit luar dan dalam serta pihak pengurusan **TH** dan syarikat subsidiarinya.
- Mendapatkan khidmat nasihat profesional atau guaman yang mempunyai pengalaman dan kepakaran yang berkaitan.
- Mengadakan mesyuarat dengan juruaudit luar dan dalam dan sekiranya perlu tanpa kehadiran Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif.

### TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Audit kepada Jemaah Lembaga Pengarah adalah untuk mengkaji, menilai dan melaporkan mengenai perkara-perkara berikut:

- Menetapkan skop audit dan perancangan audit dalaman.
- Memastikan polisi dalaman, prosedur dan garis panduan, kawalan dalaman dan operasi yang mantap dilaksanakan.
- Memastikan juruaudit mempunyai kuasa untuk menjalankan tugas mereka.

## MEETING'S FREQUENCY

The Audit Committee has met three times in 2011. The required quorum is two members and the Internal Audit Chief as Secretary. The Group Managing Director and Chief Executive Officer and the Senior Management of **TH** will attend upon invitations from the Committee.

## JURISDICTION, JOBSCOPE AND RESPONSIBILITIES

### JURISDICTION

The Board of Directors has given the Audit Committee the authority to:


- Investigate all activities within its jurisdiction.
- Receive all required resources to carry out its task.
- Free to access all information and documents relevant to its activities.
- Free to communicate directly with external and internal auditors as well as **TH** Management and subsidiaries.
- Acquire professional or legal advices on related matters.
- Hold meetings with external and internal auditors with or without the presence of the **TH** Group Managing Director and Chief Executive Officer.

### JOB AND RESPONSIBILITIES

The Audit Committee's role and responsibilities to the Board of Directors are to examine, assess and report on the following matters:

- Determining the scope and the internal audit plan.
- Ensuring implementation of internal policies, procedures and guidelines, internal control and sound operations.
- Ensuring auditors have the authority to execute their duty.

- Memastikan program, proses, hasil program serta penyiasatan audit dalaman dilaksanakan dan tindakan yang bersesuaian diambil berdasarkan cadangan audit dalaman.
- Memastikan hasil kewangan suku tahun dan akhir tahun mematuhi piawaian perakaunan dan keperluan perundangan lain, dengan memberi penekanan kepada perubahan dalam polisi perakaunan, peristiwa-peristiwa penting dan luar biasa.
- Memastikan keberkesanan sistem kawalan dalaman dan penilaian juruaudit dalam dan luar terutamanya dalam surat pengurusan juruaudit luar dan maklumbalas pengurusan.
- Memastikan tiada sebarang urusniaga yang boleh menimbulkan konflik kepentingan dan keraguan terhadap integriti Pengurusan **TH**.
- Mengkaji struktur Bahagian Pengurusan Audit Dalam untuk memperbaiki dan meningkatkan kecekapan serta keberkesanannya dalam melaksanakan fungsinya.
- Mengkaji dan meluluskan perubahan dalam tumpuan pengauditan daripada pendekatan audit berasaskan pematuhan kepada audit berasaskan risiko. Ini termasuklah mengkaji garis panduan audit dan kaedah pengauditan berasaskan risiko berdasarkan piawaian industri dan amalan sejagat yang terbaik.
- Mengkaji keperluan anggota dan peruntukan latihan yang diperlukan di Bahagian Pengurusan Audit Dalam, dengan memastikan Bahagian tersebut dilengkapkan dengan anggota yang mempunyai kemahiran, pengetahuan dan pengalaman yang berkaitan, bagi membolehkan Bahagian berkenaan memainkan peranan yang lebih efektif.
- Ensuring programmes, processes and programme outcomes as well as internal audit Investigation are implemented and suitable actions are taken based on the internal auditor's suggestions.
- Ensuring quarterly and yearly financial reports adhere to accounting standards and legal requirements with emphasis given to changes in accounting policy and significant as well as extraordinary events.
- Ensuring the effectiveness of the internal control system and the assessments of internal and external auditors, particularly in the external auditor management letters and feedbacks.
- Ensuring that all transactions undertaken will not create conflict of interest and doubts regarding the integrity of **TH** Management.
- Revising Internal Audit Management Division to improve its efficiency and effectiveness.
- Revising and approving changes in the auditing approach from compliance to risk-based approach. This include revising auditing guidelines and methods based on industry standards and universal best practices.
- Reviewing staff requirements and training allocations for the Internal Audit Management Division by ensuring that the Division is equipped with capable workforces who are skilled, knowledgeable and experienced so as to enable the Division to effectively play its role.





# INOVATIF • INNOVATIVE

## Ulasan Operasi

Pengarah Urusan Kumpulan dan  
Ketua Pegawai Eksekutif

**Operational Review**

**Group Managing Director and Chief Executive Officer**

- Pelaburan  
Investment
- Sektor Perladangan  
Plantation Sector
- Sektor Perbankan Islam dan Takaful  
Islamic Banking and Takaful Sector
- Sektor Pembangunan Hartanah dan Pembinaan  
Property Development and Construction Sector
- Sektor Perkhidmatan Lain-lain  
Other Services
- Perkhidmatan Haji  
Hajj Service
- Perkhidmatan Pelanggan  
Customer Service
- Tanggungjawab Sosial Korporat  
Corporate Social Responsibility





**Dato' Paduka Ismee Ismail**  
**Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif**  
**Group Managing Director and Chief Executive Officer**

# Ulasan Operasi Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif

**Operational Review**  
**Group Managing Director and Chief Executive Officer**



## سَلَامٌ مُّنْعَلِيٌّ وَمُّنْعَلِيٌّ سَلَامٌ السَّلَامُ لِلَّهِ كُلُّهُ وَلِلَّهِ كُلُّهُ سَلَامٌ

Alhamdullilah, syukur kehadrat Allah SWT kerana dengan izinNya, Lembaga Tabung Haji (**TH**) telah berjaya merekodkan prestasi yang cemerlang bagi tahun ini. Maka genaplah lima tahun, Pelan Perniagaan **TH** yang bermula pada tahun 2007. **TH** telah berjaya menunjukkan pertumbuhan pendapatan yang memberangsangkan, ekoran tumpuannya terhadap pelaburan yang menjana pulangan yang kompetitif dan berterusan, pengurusan perkhidmatan yang efisien dan efektif serta perbelanjaan yang berhemah.

Alhamdullilah, with the blessings of Allah SWT, Lembaga Tabung Haji (**TH**) has managed to achieve an excellent performance for the year. The year 2011 also marked the end of the five-year **TH** Business Plan which was initiated in 2007. **TH** managed to record encouraging income growth results due to its focus on investments that yield competitive and continuous returns, efficient and effective services and prudent spending.

Perlaksanaan pelbagai strategi yang dirancang telah membawa hasil yang positif dengan tercapainya rekod yang cemerlang semenjak lima tahun kebelakangan ini. Pendapatan **TH** telah meningkat melebihi RM2.0 bilion pada tahun 2010-2011, manakala keuntungan selepas zakat melebihi RM1.0 bilion bagi lima tahun berturut-turut.

**TH** terus berusaha untuk meningkatkan perkhidmatan cemerlang dalam pengurusan haji dan simpanan pendeposit dengan perlaksanaan pelbagai inisiatif yang inovatif, bagi memenuhi ekspektasi pendeposit. Bagi memastikan pengurusan kos yang efektif, **TH** sentiasa berusaha merasionalisasikan proses perkhidmatannya bagi mencari penyelesaian yang unik dan inovatif.

Objektif **TH** untuk memberi kemudahan dan keselesaan kepada para pendepositnya sentiasa diberi keutamaan. Oleh itu, saluran perkhidmatan pelanggan **TH** telah dipertingkatkan dengan kerjasama strategik bersama Bank Islam Malaysia Berhad, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad dan Maybank Berhad. Hari ini, para pendeposit boleh berurus dengan lebih daripada 258 cawangan bank serta kaedah elektronik – 3,847 mesin ATM dan 1,381 mesin CDM yang beroperasi 24 jam di seluruh negara. Penjenamaan semula cawangan **TH** akan dijalankan secara berperingkat bagi memberi perkhidmatan yang lebih selesa, baik dan efisien seiring dengan peningkatan bilangan pendeposit baru, yang menjadikan jumlah pendeposit seramai 6.96 juta ahli (2011).

Implementation of the planned strategies has yielded positive results with record achievements for the past five years. **TH**'s income has exceeded the RM2.0 billion mark for 2010-2011, whilst profit after zakat exceeded the RM1.0 billion mark for five consecutive years.

**TH** continues to showcase a stellar performance in hajj and depository services with the implementation of various innovative measures aimed at meeting depositors' expectations. In achieving cost effective management, **TH** continues to rationalise its service processes to arrive at unique and innovative solutions.

The convenience and comfort of its depositors continue to be **TH**'s main priorities. For that reason, **TH** has formed a strategic partnership with Bank Islam Malaysia Berhad, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad and Maybank Berhad to further enhance its line of customer service channels. Today, depositors are able to perform transactions at more than 258 bank branches as well as through electronic means – 3,847 ATMs and 1,381 CDMs that are operational 24 hours a day throughout the country. The re-branding of **TH** branches will be implemented in stages so as to provide convenient and efficient services in line with the increasing number of new depositors, which now stands at 6.96 million (2011).

## Ulasan Operasi Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Group Managing Director and Chief Executive Officer's Operational Review

Sebagai sebuah organisasi Islam yang berkecimpung dalam bidang pelaburan berlandaskan Syariah, **TH** sentiasa melaksanakan pelan perniagaannya dengan teliti dan bertanggungjawab bagi memastikan pertumbuhan perniagaan dan dana serta pulangan yang berterusan. Pencapaian Anak-anak Syarikat **TH** dipantau dan diperkuuhkan bagi memastikan perkembangan perniagaan yang berterusan.

**TH** telah terlibat secara terus dalam sektor harta tanah tempatan, meneroka pelaburan harta tanah di luar negara dan melibatkan diri dalam industri baru seperti industri sokongan minyak & gas, agar mampu membantu meningkatkan daya saing dan pulangan yang mampan di masa hadapan.

Alhamdulillah, berkat usaha semua pihak, **TH** berjaya memberi pulangan bonus 6% kepada para pendeposit pada tahun ini. Saya percaya dengan sokongan padu para pendeposit, **TH** akan terus berusaha untuk mempertingkatkan pulangan pelaburan, memperkuuhkan daya saing perniagaan dan seterusnya melonjakkan prestasi sebagai sebuah institusi Islam yang tinggi martabatnya.

Saya dengan sukacitanya melaporkan aktiviti-aktiviti pelaburan, perkhidmatan dan tanggungjawab sosial korporat **TH** bagi tahun 2011.


As an Islamic organisation that is involved in Shariah-based investments, **TH** has always implemented its business plans meticulously and responsibly to ensure continuous business and funds growth, as well as positive returns. The achievement of its primary subsidiaries are also continuously monitored and strengthened to ensure business growth.

Apart from being directly involved in the domestic property sector, **TH** also explores opportunities in overseas property investments and in new industries such as oil and gas, so as to enhance its competitive edge and yield sustainable returns in the future.

Alhamdulillah, with the endeavours of all relevant parties, **TH** managed to distribute a bonus payout of 6% to all its depositors this year. I believe that with the depositors' continuous support, **TH** will continue to strive for higher investment returns, strengthen its business competitiveness and spur its performance as a prestigious Islamic institution.

I am pleased to report on **TH**'s investment, services and corporate social responsibility activities for 2011.





# Pelaburan

## Investment

Selain pengurusan haji dan perkhidmatan simpanan pendeposit, pelaburan juga merupakan salah satu aktiviti teras **TH**. Simpanan pendeposit dilaburkan dalam aktiviti pelaburan dan instrumen patuh Syariah bagi menjana pulangan jangka panjang yang kompetitif.

Besides hajj management and depository services, investment is another core activity of **TH**. Depositors' savings are invested in Shariah-compliant investment and instruments to generate sustainable and competitive returns.



### PELABURAN TH

Pelaburan **TH** diuruskan oleh Jabatan Pelaburan dan Jabatan Kewangan Korporat dan Perkhidmatan. Jabatan Pelaburan bertanggungjawab mengurus pelaburan ekuiti tercatat, sukuk dan aset-aset alternatif. Jabatan Kewangan Korporat dan Perkhidmatan bertanggungjawab mengurus pelaburan terus dalam ekuiti persendirian dan hartanah serta mengendali penggabungan dan pengambilalihan korporat.

Keputusan pelaburan dibuat setelah kajian dan proses penilaian yang teliti dilaksana. Prospek pelaburan perlu melalui beberapa peringkat saringan sebelum kelulusan akhir di peringkat Menteri dibuat.

Dalam membuat keputusan pelaburan, **TH** dinasihati oleh Panel Pelaburan di mana para ahlinya terdiri daripada golongan korporat dan pakar-pakar dalam bidang masing-masing. Panel Pelaburan membantu dari segi nasihat dan pandangan bagi setiap prospek pelaburan disamping membantu dalam merangka dan melaksana polisi dan prosedur baru berkaitan pelaburan.

### TH INVESTMENTS


**TH** Investments are managed by the Investment Department and the Corporate Finance and Services Department. The Investment Department is responsible in managing the listed equities, sukuk and alternative assets. The Corporate Finance and Services Department is responsible for direct investments in private equities and properties as well as structuring corporate mergers and acquisitions.

Investment decisions are made after a thorough research and evaluation process. Prospective investment will have to go through several stages of screening before the final approval is made at the Minister's level.

In making investment decisions, **TH** is advised by the Investment Panel whose members consist of corporate figures and experts in their respective fields. The panel advises and gives input on every prospective investment, and assists in formulating and implementing new investment policies and procedures.



**Proses penilaian dan kelulusan prospek-prospek pelaburan:**  
**The chart below depicts the evaluation and approval process for prospective investments:**



## PELABURAN EKUITI

Pelaburan patuh Syariah adalah teras pelaburan **TH**. Objektif utama pelaburan ekuiti tercatat ialah untuk menjana pulangan jangka panjang yang kompetitif melalui keuntungan urusniaga saham dan pendapatan dividen sejajar dengan tahap risiko yang berpatutkan setanding dengan keadaan pasaran semasa.

Nilai pasaran pelaburan ekuiti tercatat **TH** pada 31 Disember 2011 berjumlah RM10.2 bilion berbanding RM9.2 billion pada 2010. Ini merupakan 31% daripada keseluruhan nilai aset bersih **TH**. Pelaburan ekuiti tercatat dibuat dalam pelbagai sektor seperti sektor perdagangan dan perkhidmatan yang mewakili 38.2% daripada jumlah pelaburan ekuiti tercatat, perladangan (17.7%) dan perbankan (12.5%).

Dalam tahun 2011, **TH** mencatatkan kadar pulangan 9.7% daripada aktiviti pelaburan ekuiti tercatat. Sebanyak 64% daripada jumlah ini atau RM637.8 juta merupakan keuntungan urusniaga saham manakala 36% atau RM352.3 juta daripada pendapatan dividen.


## EQUITY INVESTMENTS

Shariah-compliant investment is the core of **TH**'s investments. The main objectives of equity investment are to generate sustainable and competitive returns from capital gains and dividends at reasonable risk level that commensurates with the prevailing market condition.

The market value of **TH**'s listed equity investments as at 31 December 2011 was RM10.2 billion against RM9.2 billion in 2010. This made up 31% of **TH**'s overall net asset value. Listed equity investments are made in various sectors such as trading & services which represented 38.2% of **TH**'s investments in listed equity, plantation (17.7%) and banking (12.5%).

In 2011, **TH** recorded 9.7% returns from listed equity investment activities. Out of this, 64% or RM637.8 million was generated from capital gains whilst 36% or RM352.3 million was from dividend income.

**Alokasi sektor pelaburan ekuiti tercatat **TH**  
berakhir 31 Disember 2011**  
**Sector allocation for **TH**'s listed equities  
as at 31 December 2011**



38.2%	Perdagangan dan perkhidmatan Trading and services
17.7%	Perlادangan Plantation
12.5%	Perbankan Banking
9.5%	Pembinaan Construction
6.8%	Produk Industri Industrial Products
5.9%	Produk Pengguna Consumer Products
3.1%	Infrastruktur Infrastructure
2.7%	REITS REITS
2.3%	Hartanah Property
1.3%	Teknologi Technology


Prestasi pasaran saham tempatan dalam 2011 telah dipengaruhi oleh faktor-faktor negatif seperti ketidakstabilan geo-politik di Timur Tengah, bencana gempa bumi dan tsunami di Jepun, banjir besar di Thailand serta krisis hutang di Eropah. Krisis di Timur Tengah telah melonjakkan harga minyak sebanyak 7.9% dalam 2011 dan telah mencecah paras tertingginya pada USD113.9 setong pada April 2011. Bencana di Jepun dan banjir di Thailand telah menjelaskan pengeluaran syarikat-syarikat komponen peralatan komputer dan automotif di Malaysia. Para pelabur juga bimbang krisis hutang di Greece akan merebak ke negara-negara lain di Eropah terutamanya Itali dan Sepanyol. Di akhir 2011, Indeks FBM KLCI ditutup pada 1,530.73 mata meningkat 0.8% daripada 1,518.91 pada tahun sebelumnya.

The domestic share market performance in 2011 was affected by negative factors such as the geopolitical instability in the Middle East, the earthquake and tsunami in Japan, the massive flood in Thailand as well as the European debt crisis. The Middle East crisis resulted in a 7.9% hike in oil prices in 2011, which hit an all time high of USD113.9 per barrel in April 2011. The natural disaster that devastated Japan and floods that hit Thailand had disrupted the production of computer and automotive components in Malaysia. Investors were also concerned about the possibility of the debt crisis in Greece spreading to other European countries, especially Italy and Spain. By the end of 2011, the FBM KLCI Index closed at 1,530.73 points, or 0.8% higher than the 1,518.91 points recorded at the end of the previous year.

**Pergerakan Indeks FBM KLCI pada 2011**  
**FBM KLCI Index movement in 2011**



**Pergerakan Indeks FBM Syariah pada 2011**  
**FBM Shariah Index movement in 2011**



# Pelaburan Investment

## PELABURAN DANA DAN ‘OUTSOURCING’

**TH** melabur dalam dana berlandaskan Shariah yang diurusstadbir secara lantikan oleh pengurus-pengurus dana luar yang berpengalaman dan berkepakaran. Pelaburan dana terbahagi kepada dua bahagian, iaitu dalam mandat pelaburan saham tercatat dan dana pelaburan alternatif. Alokasi asset taktikal **TH** bagi mandat pelaburan saham tercatat bergantung kepada tumpuan pasaran dan adalah antara 2% hingga 10% daripada aset pelaburan, manakala alokasi bagi dana pelaburan alternatif adalah sehingga 5% daripada aset pelaburan.

Dana pelaburan saham tercatat adalah tertumpu kepada pasaran saham umum domestik dan juga Asia Pasifik, dimana **TH** mensasarkan kadar pulangan tahunan antara 8% hingga 9%.

Dana pelaburan alternatif pula tertumpu kepada perniagaan persendirian dan harta tanah. Bagi dana luar negara, sasaran pelaburan adalah di negara rantau Asia Pasifik dan Timur Tengah. Fokus pelaburan dana perniagaan persendirian dalam dan luar negara adalah sektor pendidikan, makanan, pertanian, perkhidmatan, barang pengguna, makanan halal, infrastruktur, penjagaan kesihatan, peruncitan, pembuatan dan pengurusan bahan buangan, dimana **TH** mensasarkan pulangan jangka panjang antara 12% hingga 20%.



## FUND INVESTMENT AND OUTSOURCING

**TH** invests in Shariah-compliant funds managed by appointed external fund managers who are well experienced and experts in the field. Fund investment is subdivided into listed equity mandates and alternative investment funds. **TH**'s tactical asset allocation for listed equity mandates depends on the intended geographical diversification and falls within the range of 2% to 10% of total investment assets, whereas the allocation for alternative investment funds constitutes up to 5% of total investment assets.

The listed equity mandates for domestic and Asia Pacific markets, **TH** targets to earn absolute returns between 8% to 9% per annum.

The alternative investment funds are focused on private businesses and real estates. Focus of investment activities for foreign funds have been in Asia Pacific and Middle Eastern countries. In terms of business focus, domestic and foreign funds are invested in sectors such as education, agriculture, services, consumer products, halal food, infrastructure, healthcare, retail, manufacturing and waste management, in which **TH** targets to earn long-term returns between 12% to 20%.



## PELABURAN PENDAPATAN TETAP

Pelaburan **TH** dalam sekuriti pendapatan tetap merangkumi pelaburan dalam Sukuk, Kertas Komersial, Instrumen Boleh Niaga, Instrumen Pasaran Wang Jangka Pendek dan Jangka Sederhana serta Pembiayaan Kepada Anak Syarikat.

Sehingga 31 Disember 2011, nilai buku bersih keseluruhan sekuriti pendapatan tetap adalah berjumlah RM7.9 bilion atau 24% dari jumlah keseluruhan nilai aset bersih **TH**, meningkat 46% berbanding RM5.4 bilion pada tahun 2010.

Jumlah perolehan kasar **TH** dalam pelaburan pendapatan tetap bagi tahun 2011, mencatatkan jumlah yang memberangsangkan iaitu sebanyak RM544 juta. Perolehan kasar **TH** dalam pelaburan Sukuk dan Kertas Komersial bagi tahun 2011 adalah sebanyak RM337 juta iaitu peningkatan sebanyak 42%, berbanding RM237 juta, bagi tahun 2010.

Saiz pasaran sekuriti pendapatan tetap di Malaysia bagi tahun 2011 menyusut sedikit sebanyak 3% kepada RM739.0 bilion berbanding RM765.5 bilion pada akhir tahun 2010 bagi kedua-dua bon kerajaan dan korporat. Bon korporat berjumlah sebanyak RM270.1 bilion di mana 55.6% daripadanya adalah berlandaskan Syariah. Sehingga 31 Disember 2011, **TH** telah melabur sebanyak RM1.43 bilion dan RM5.37 bilion masing-masing di dalam bon patuh Syariah kerajaan dan bon patuh Syariah korporat.

## FIXED INCOME INVESTMENT

**TH**'s investments in fixed income securities include investments in Sukuk, Commercial Papers, Negotiable Instruments, Medium and Short-Term Money Market Instruments as well as Financing to Subsidiaries.

As at 31 December 2011, the net book value of **TH**'s fixed income securities is RM7.9 billion or 24% from the total net asset value, which is a 46% increase from the RM5.4 billion recorded in 2010.

**TH** recorded gross income of RM544 million in fixed income investments for 2011. **TH**'s gross income in Sukuk and Commercial Papers investments for 2011 was RM337 million, which is a 42% increase compared to RM237 million recorded in 2010.

The market size for fixed income securities in Malaysia for 2011 receded by 3% to RM739.0 billion from RM765.5 billion recorded at the end of 2010 for both government and corporate bonds. Corporate bonds stood at RM270.1 billion where 55.6% of it is Shariah-compliant. As at 31 December 2011, **TH** has invested a total of RM1.43 billion and RM5.37 billion in Shariah-compliant government bonds and corporate bonds respectively.



### PENYELIDIKAN

Bahagian Penyelidikan bertanggungjawab dalam mengkaji dan menilai syarikat-syarikat tersenarai di Bursa Malaysia bagi mengenalpasti peluang-peluang pelaburan yang berlandaskan Syariah. Bahagian Penyelidikan juga terlibat dalam memantau petunjuk-petunjuk makro dan mikro ekonomi serta hala tuju pasaran saham di dalam dan luar negara bagi merangka strategi pelaburan. Penilaian dan pemantauan sektor dan syarikat juga dilakukan untuk membantu **TH** dalam membuat keputusan pelaburan yang sewajarnya bagi menghasilkan pulangan yang kompetitif dan berterusan.

Bahagian Penyelidikan sentiasa meneliti perkembangan-perkembangan terkini syarikat melalui pengumuman syarikat, laporan media massa serta laporan kewangan. Dalam mengenalpasti potensi pelaburan yang kompetitif untuk **TH**, Bahagian Penyelidikan juga kerap membuat lawatan ke pelbagai syarikat untuk meningkatkan pemahaman mengenai operasi syarikat serta perkembangan terkini yang mungkin memberi kesan terhadap syarikat tersebut. Hasil daripada lawatan kerja, pengkajian dan penyelidikan yang dilakukan, laporan-laporan akan disediakan dan taklimat akan diberi kepada pengurus-pengurus dana.

Bahagian Penyelidikan juga bertanggungjawab dalam memberikan cadangan sama ada untuk membuat pembelian, penjualan atau terus mengekalkan pegangan pelaburan saham di dalam sebuah syarikat.

Dalam tahun 2011, Bahagian Penyelidikan telah mengenalpasti beberapa sektor-sektor pelaburan yang mempunyai prospek pulangan yang kompetitif sama ada di dalam syarikat yang telah disenaraikan di Bursa Malaysia mahupun ke atas Penawaran Awal Awam (IPO). Bagi tahun 2011, **TH** telah melanggar beberapa IPO yang ditawarkan seperti MSM Malaysia Holdings Berhad, Bumi Armada Berhad, Eversendai Corporation Berhad dan Prestariang Berhad.

### RESEARCH

The Research Division is responsible for evaluating and assessing listed companies on Bursa Malaysia to identify Shariah-compliant investment opportunities. The Research Division is also tasked to monitor the macro and micro economic indicators as well as the directions of local and foreign stock markets to assist **TH** in formulating its investment strategy. Continuous assessment and monitoring are carried out to generate competitive and sustainable returns for the equity investments.

In order to identify new opportunities, the Research Division monitors the listed companies' developments through company announcements, news reports and Bursa Malaysia's filings. In monitoring an existing investment portfolio performance, the Research Division is entrusted to undertake regular company visits in order to get the latest updates on the company. Based on these findings, further analysis and research are conducted, and a comprehensive research report is then prepared and presented to the fund manager.

The Research Division is responsible for providing investment recommendations to **TH**. In 2011, the Research Division identified a few opportunities which have competitive return prospects for both listed companies and Initial Public Offerings (IPO). In 2011, **TH** successfully subscribed to several IPOs, such as MSM Malaysia Holdings Berhad, Bumi Armada Berhad, Eversendai Corporation Berhad and Prestariang Berhad.



# Sektor Perladangan

## Plantation Sector

Lembaga Tabung Haji (**TH**) melestarikan kecemerlangannya di dalam sektor perladangan yang diceburinya semenjak 1972, menerusi anak syarikatnya **TH** Plantations Berhad (THP) – sebuah syarikat awam tersenarai sejak April 2006 dengan pegangan saham sebanyak 63.7%.

**TH** sustains its excellence in the plantation sector, which it has been involved in since 1972, through its subsidiary **TH** Plantations Berhad (THP) – a listed public company since April 2006 with a shareholding of 63.7%.

Operasi Kumpulan Perladangan **TH** di Malaysia dan Indonesia diuruskan oleh THP Agro Management Sdn Bhd (THPAM), iaitu anak syarikat milik penuh THP. Manakala, Trurich iaitu syarikat usahasama di antara **TH** dan Felda Global Ventures Kalimantan Sdn Bhd, diuruskan oleh PT **TH** Felda Nusantara.

The operations of **TH**'s Plantation Sector in Malaysia and Indonesia are undertaken by THP Agro Management Sdn Bhd (THPAM), a fully owned subsidiary of THP. Meanwhile, Trurich, which is a joint company between **TH** and Felda Global Ventures Kalimantan Sdn Bhd, is managed by PT **TH** Felda Nusantara.





## PRESTASI KUMPULAN PERLADANGAN

### Prestasi Ladang

Sehingga akhir tahun kewangan 2011, Kumpulan Perladangan **TH** mempunyai ladang seluas 211 ribu hektar berbanding 201 ribu hektar pada tahun 2010. Pecahan keluasan ladang Kumpulan Perladangan **TH** pada tahun 2011 adalah seperti berikut:

Keluasan Ladang (Ha) Land Area (Hectare)	
Kumpulan <b>TH</b> Plantations Berhad	39,371
Kumpulan Perladangan <b>TH</b> :	
- Malaysia	45,736
- Indonesia	125, 877
<b>Jumlah Total</b>	<b>210,984</b>

## PLANTATION SECTOR PERFORMANCE

### Plantation Performance

As at end of financial year 2011, **TH**'s Plantations Group possesses a land area of 211 thousand hectares as compared to 201 thousand hectares in 2010. The breakdown of **TH** Plantation Group's land area for 2011 is as follows:

## Sektor Perladangan Plantations Sector

Bagi pencapaian hasil Buah Tandan Segar (BTS), Kumpulan Perladangan **TH** pada tahun 2011 telah menunjukkan peningkatan 16.3% berbanding tahun 2010 seperti berikut:

For Fresh Fruit Bunches (FFB), **TH** Plantations Group recorded a 16.3% increase in 2011 as compared to 2010 as shown below:

Tanah Perladangan Plantations Land	Jumlah Pengeluaran BTS (MT) Total Production of FFB (MT)		Peratus (%) Percentage (%)
	2010	2011	
Kumpulan Perladangan <b>TH</b> di Malaysia <b>TH</b> Plantations Group in Malaysia	569,027	<b>663,870</b>	<b>16.7</b>
Kumpulan Perladangan <b>TH</b> di Riau <b>TH</b> Plantations Group in Riau	1,033,650	<b>1,169,820</b>	<b>13.2</b>
Kumpulan Perladangan <b>TH</b> di Kalimantan <b>TH</b> Plantations Group in Kalimantan	30,140	<b>65,925</b>	<b>118.7</b>
Pencapaian Keseluruhan Kumpulan Perladangan <b>TH</b> Overall Performance of <b>TH</b> Plantations Group	1,632,817	<b>1,899,615</b>	<b>16.3</b>

### Prestasi Kilang

Sehingga akhir tahun 2011, Kumpulan Perladangan **TH** memiliki enam buah kilang di Malaysia, enam di Riau dan satu di Kalimantan. Secara purata kadar perahan minyak masak mentah (MSM) Kumpulan Perladangan **TH** di Malaysia sebanyak 21.0%, di Riau sebanyak 22.1% dan di Kalimantan sebanyak 22.67%.

### Milling Performance

As at end of 2011, **TH** Plantation Group possesses six mills in Malaysia, six in Riau and one in Kalimantan. On average, the crude cooking oil extraction rate for **TH** Plantation Group in Malaysia stands at 21.0%, in Riau at 22.1% and in Kalimantan at 22.67%.




Pelbagai usaha penambahbaikan yang berterusan dilakukan untuk meningkatkan prestasi pemprosesan kilang. Ini termasuk penyelenggaraan yang lebih teliti agar operasi kilang mencapai tahap optimum. Kumpulan Perladangan **TH** juga sentiasa mempertingkatkan inovasi untuk menuju ke arah kemampaman yang berkekalan. Kumpulan Perladangan **TH** terus bergerak maju kehadapan dengan semangat kompetitif untuk lebih berdaya maju dan berkembang dalam industri perladangan. Antara kejayaan, pengiktirafan dan anugerah yang telah dicapai oleh kumpulan ini sepanjang 2011 adalah:

- Penghargaan daripada Presiden Republik Indonesia kepada Trurich di Kalimantan, di atas pencapaian pendapatan perkapita yang tertinggi oleh salah satu kebun kendaliannya. (Rp 2.0 juta – Rp 3.5 juta sebulan.)
- Augerah Industri Merit: Pertanian oleh Kuala Lumpur Malay Chamber of Commerce Malaysia Business Awards 2011, kepada Pengarah Kumpulan **TH** Plantations Berhad sebagai pengiktirafan untuk menggalakkan kecemerlangan, amalan terbaik dan inovasi dalam kalangan komuniti perniagaan.

Various improvement measures have been continuously undertaken to enhance milling performance. This includes thorough maintenance to ensure optimum milling operations. **TH** Plantations Group constantly leverages on innovation to achieve lasting sustainability and move forward with a competitive spirit to become a fully developed entity in the plantation industry. Among its achievements and accolades in 2011 are:

- Acknowledgement from the President of the Indonesian Republic to Trurich Resources Sdn Bhd in Kalimantan, for the highest per capita income achievement of one of its plantations (Rp 2.0 milion to Rp 3.5 milion per month).
- Industry Award of Merit: Agriculture by the Kuala Lumpur Malay Chamber of Commerce Malaysia Business Awards 2011 to the Group Director of **TH** Plantations Berhad as an acknowledgement for its efforts in promoting excellence, best practices and innovation amongst the business community.



# Sektor Perbankan Islam dan Takaful

## Islamic Banking and Takaful Sector

Tabung Haji (**TH**) memperkuat kedudukannya di dalam sektor perbankan Islam apabila BIMB Holdings Berhad, syarikat induk bagi Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) menjadi anak syarikat **TH** pada tahun 2009. Bank Islam adalah institusi perbankan berlandaskan syariah yang pertama di Malaysia apabila ia ditubuhkan pada Julai 1983. Sejak penubuhannya, Bank Islam telah menjadi simbol perbankan Islam di Malaysia dan terus berusaha untuk menjadi Peneraju Perbankan Islam Global.

**TH** strengthened its foothold in the Islamic banking sector when BIMB Holdings Berhad, which is the parent company of Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam), became **TH's** subsidiary in 2009. Bank Islam became the first Shariah-based banking institution in Malaysia following its inception in July 1983. Bank Islam has since become the symbol of Islamic banking in Malaysia and has progressively pursued its vision of becoming the Global Leader in Islamic Banking.



### PERBANKAN ISLAM

Kekuatan Bank Islam dari segi modal dan aset telah diakui oleh industri perbankan global. Malah *The Asian Banker* 500 telah menobatkannya sebagai bank Islam keempat terkuat di Malaysia dan ke-53 di Asia Pasifik pada tahun 2011. Melalui rangkaian yang terdiri daripada 122 cawangan dan lebih satu ribu terminal khidmat-sendiri di seluruh negara, Bank Islam telah berjaya menawarkan senarai perkhidmatan komprehensif yang terdiri lebih daripada 50 produk dan perkhidmatan perbankan Islam yang berinovatif dan canggih serta setanding dengan apa yang ditawarkan oleh bank komersil lain.

### ISLAMIC BANKING

Bank Islam's formidability in terms of capital and assets has been well acknowledged by the global banking industry. In fact, *The Asian Banker* 500 has named Bank Islam as the fourth most formidable Islamic bank in Malaysia and the 53<sup>rd</sup> in Asia Pacific in 2011. Through its vast network of 122 branches and more than one thousand self-service terminals throughout the country, Bank Islam has managed to offer a comprehensive list of services that covers more than 50 innovative and sophisticated Islamic banking products and services which are at par with those offered by other commercial banks.



Pada tahun 2011, Bank Islam telah membuka sembilan cawangan baru menjadikan jumlah cawangannya sebanyak 122 buah. Bersama dengan penambahan cawangan-cawangan ini, Bank Islam telah juga meningkatkan pusat bisnes pelanggan kepada Iapan, cawangan Ar-Rahnu (tiga), Biro Pengurusan Wang (lima) dan saluran penghantaran elektronik (1,124) untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada lebih daripada 3.5 juta pelanggannya.

Tahun 2011 juga menyaksikan Bank Islam mencatat sejarah apabila ia muncul sebagai bank Islam yang pertama di Malaysia yang memberi khidmat nasihat penyenaraian untuk APFT Berhad pada bulan Februari. Ini diikuti pula dengan perkhidmatan korporat bagi penyenaraian Focus Lumber Berhad pada bulan berikutnya. Bank Islam juga memberi khidmat di dalam perlaksanaan Perjanjian Langganan Saham dan Perjanjian Nasihat Teknikal bagi Amana Bank Ltd.

In 2011, Bank Islam opened nine new branches which bring the overall total to 122. In line with the expansion, Bank Islam also increased the number of its customer business centers to eight, Ar-Rahnu branches (three), Money Changer Bureau (five) and electronic delivery channels (1,124) so as to provide the best service possible to its more than 3.5 million customers.

The year 2011 also saw Bank Islam stamping its mark in history by becoming the first Islamic bank in Malaysia to provide advisory services for the listing of APFT Berhad in

February. This was followed by its corporate services for the listing of Focus Lumber Berhad in the subsequent month. In the same year, Bank Islam also extended its services in the signing of the Share Subscription Agreement and Technical Advisory Agreement for Amana Bank Ltd.



# Sektor Perbankan Islam dan Takaful

## Islamic Banking and Takaful Sector

### INDUSTRI TAKAFUL

Berikutan pemegangan saham majoriti di dalam BIMB Holdings Berhad, **TH** secara langsung mempunyai kepentingan di dalam sektor insurans berlandaskan Syariah di negara ini melalui Syarikat Takaful Malaysia Berhad (Takaful Malaysia).

Takaful Malaysia telah diperbadankan pada 29 November 1984. Ia mula beroperasi pada 22 Julai 1985 sebelum pembukaan rasminya pada 2 Ogos 1985 oleh Mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamed. Takaful Malaysia dijadikan sebuah syarikat awam berhad pada 30 Julai 1996 disusuli dengan penyenaraian sahamnya di Papan Utama (kini bergelar Pasaran Utama) di *Bursa Malaysia Securities Berhad*.

Sehingga akhir tahun 2011, Takaful Malaysia merupakan penyedia takaful kedua terbesar dari segi pasaran daripada sejumlah 11 buah syarikat. Penguasaan pasaran Takaful Malaysia pada tahun 2011 adalah sebanyak 26% bagi perniagaan Takaful Am manakala 18% bagi perniagaan Takaful Keluarga.

Inovasi dan pembangunan produk merupakan ciri penting bagi kejayaan Takaful Malaysia pada tahun 2011. Salah satu produknya, *Takaful myGenLife*, telah muncul sebagai pilihan utama dalam kedua-dua pasaran Insurans dan Takaful. Produk berkaitan pelaburan disertai 10 tambahan pilihan yang menawarkan faedah perlindungan menarik. Ia juga menyediakan pilihan kepada pelanggan untuk melabur dalam lima dana pelaburan yang berlandaskan Syariah, yang paling luas boleh diperolehi dan ditawarkan berbanding mana-mana pengendali Takaful.



### TAKAFUL INDUSTRY

Due to its majority shareholding in BIMB Holdings Berhad, **TH** automatically holds an interest in the country's Shariah-based insurance sector via Syarikat Takaful Malaysia Berhad (Takaful Malaysia).

Takaful Malaysia was incorporated on 29 November 1984. It became operational on 22 July 1985 prior to its official launch on 2 August 1985 by the former Prime Minister, Tun Dr Mahathir Mohamed. Takaful Malaysia became a public limited company on 30 July 1996 followed by its listing on the Main Board (now known as Main Market) of Bursa Malaysia Securities Berhad.

As at end of 2011, Takaful Malaysia is the second largest takaful provider in terms of marketplace, out of 11 companies. Takaful Malaysia's market domination for 2011 is 26% for General Takaful and 18% for Family Takaful.

Takaful Malaysia's success in 2011 was largely due to innovation and product development. One of its products, *Takaful myGenLife*, became the most preferred choice in both Insurance and Takaful markets. The investment-based product includes 10 additional options that offer attractive coverage benefits. It also provides investment options in five Shariah-based investment funds, which is the widest that could be acquired and offered as compared to any other Takaful operator.



Pada 5 April, 2011, Takaful Malaysia telah melancarkan pelan Takaful mySME yang menyasarkan lima sektor industri kecil dan sederhana (IKS) di Malaysia yang terdiri daripada sektor-sektor utama seperti perusahaan ringan, makanan & minuman, runcit, pejabat dan perkhidmatan. Produk yang menyediakan perlindungan komprehensif di samping memudahkan penghasilan perniagaan dan kecairan aliran tunai. Takaful Malaysia turut menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan SME Corporation untuk bersama-sama mendidik dan membentuk kesedaran dalam kalangan dalam usahawan SME di seluruh negara melalui enam jerayawara, yang membincangkan kepentingan pengurusan risiko yang kukuh.

Takaful Malaysia telah memenangi Anugerah BrandLaureate bagi tahun 2010-2011 dalam kategori Penjenamaan Korporat untuk Jenama Terbaik dalam Perkhidmatan Kewangan – Insurans Takaful bagi dua tahun berturut-turut. Ia juga telah dinobatkan sebagai syarikat dengan pertumbuhan ketiga tertinggi dalam keuntungan sebelum cukai sepanjang tiga tahun oleh sebuah akhbar mingguan perniagaan dan pelaburan.

On 5 April 2011, Takaful Malaysia launched the mySME Takaful plan that is aimed at five small and medium industry sectors (IKS) in Malaysia including main sectors such as light enterprise, food & beverage, retail, office and services. The product provides comprehensive coverage as well as facilitates business production and cash flow liquidity. Takaful Malaysia also signed a Memorandum of Understanding (MoU) with SME Corporation to jointly educate and create awareness amongst all SME entrepreneurs in the country via six roadshows, which address the importance of strong risk management.

Takaful Malaysia bagged the BrandLaureate Award for 2010-2011 in the Corporate Branding category for Best Brand in Financial Services – Takaful Insurance for the second consecutive year. It also received acknowledgement from a weekly business and investment newspaper for having the third highest growth in profit before tax for the past three years.

# Sektor Pembangunan Hartanah dan Pembinaan

Property Development and Construction Sector

## KUMPULAN TH PROPERTIES

Sektor pembangunan harta tanah dan pembinaan Tabung Haji (**TH**) diterajui oleh syarikat milik penuh **TH**, Kumpulan **TH** Properties Sdn. Bhd. yang ditubuhkan semenjak tahun 1980. Kumpulan ini terus berkembang maju dengan tumpuan kepada empat aktiviti perniagaan teras iaitu pembangunan harta tanah, pembinaan pengurusan projek serta pengurusan kemudahan dan harta tanah.

## **TH PROPERTIES GROUP**

**TH** property development and construction sector is led by its wholly-owned subsidiary, **TH** Properties Group, which has been established since 1980. The group is involved in four core business activities namely property development, construction, project management, as well as facilities and property management.



Dalam bidang pembangunan harta tanah, pembangunan Bandar Enstek menawarkan perancangan dan rekabentuk moden seluas 5,119 ekar berhampiran KLIA. Ianya sudah mempunyai lebih 10,000 penduduk, telah meraih pelbagai anugerah dan dijangka akan menghasilkan nilai pembangunan kasar sebanyak RM9.2 billion. Ianya juga telah menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi setempat dengan Edupark@ enstek menempatkan beberapa kolej dan institusi swasta ternama, Techpark@enstek – menempatkan beberapa syarikat industri teknologi tinggi dan biotek Negara serta diiktiraf sebagai ‘Halal Park’ oleh HALMAS.

In property development, the flagship project of Bandar Enstek offers modern design and town planning on a 5,119 acre land area just a few minutes away from KLIA. It now accommodates more than 10,000 residents, has been awarded various accolades and is expected to yield a development gross value of RM9.2 billion. It has also become a catalyst for local economic development, as Edupark@enstek houses several illustrious private colleges and institutions, whilst Techpark@enstek is the quarters for several of the country's biotech and high technology industry companies, apart from being certified as 'Halal Park' by HALMAS.



Dalam bidang pembinaan, Kumpulan **TH** Properties telah berjaya menyiapkan projek-projek menjangkau nilai RM1 billion yang terdiri daripada projek-projek perumahan, bangunan komersial, hospital, kemudahan kerajaan serta infrastruktur.

Penyertaannya dalam bidang pengurusan bangunan dan kemudahan sebagai aktiviti pelengkap dimulai dengan menguruskan beberapa bangunan milik **TH**.

Kumpulan **TH** Properties juga berfungsi sebagai ejen pemantau kepada sektor harta tanah **TH**, memberikan perkhidmatan bersepadu daripada aktiviti peringkat rekabentuk, pembinaan sehingga penyelenggaraan.



In the construction sector, **TH** Properties Group has successfully completed several projects worth RM1 billion which consist of the construction of residential buildings, commercial buildings, hospitals, Government facilities and infrastructure.

Its involvement in property and facilities management as a complementary activity started with several pilot projects belonging to **TH**.

**TH** Properties Group also functions as the monitoring agent for **TH**'s property sector, providing comprehensive services from design, construction to maintenance.

## Sektor Pembangunan Hartanah dan Pembinaan

### Property Development and Construction Sector



#### PRESTASI INDUSTRI

Industri pembinaan Malaysia berkembang pada kadar sederhana, iaitu 3.4% pada tahun 2011. Peningkatan sederhana tersebut disokong oleh perkembangan sub-sektor pemulihan aktiviti pembinaan dan kediaman.

Sub-sektor kediaman berkembang 37.6% (2011), yang dikuasai oleh pembinaan kediamaan bernilai melebihi RM500,000 dan nilai pasaran hartanah bukan strata meningkat di antara 10% hingga 30%. Permintaan untuk hartanah kediaman tetap mampan bersandarkan keadaan ekonomi dan perniagaan yang menggalakkan, pendapatan isi rumah yang meningkat, pasaran pekerjaan yang stabil dan pembiayaan kewangan yang selesa. Jumlah nilai transaksi hartanah meningkat 29.9% dalam separuh tahun pertama 2011 manakala jumlah transaksi berkembang sebanyak 18.1%.

#### INDUSTRIAL PERFORMANCE

Malaysia's construction industry grew at a moderate rate of 3.4% in 2011, which was supported by the sub-sector development and revival of residential and construction activities.

The residential sub-sector grew by 37.6% (2011), which was dominated by the construction of residences with values of over RM500,000 as well as the hike in non-strata property market value of between 10% to 30%. The demand for residential properties was sustainable leveraging on the encouraging economic and business environment, increased household income, stability of the job market and accommodative financing. The total value of property transactions grew by 29.9% in the first half of 2011, whilst total transaction grew by 18.1%.



# Sektor Perkhidmatan Lain-Lain

## Other Services Sector

### INDUSTRI TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI

Theta Edge Berhad (Theta Edge) telah ditubuhkan pada tahun 1984. Ia merupakan salah satu syarikat Pembekal Perkhidmatan Industri Teknologi Komunikasi yang terawal di Malaysia. Sebagai ahli Kumpulan Tabung Haji (**TH**), Theta Edge membuat kemunculan pertamanya di Papan Kedua, Bursa Saham Kuala Lumpur pada 1hb Mac 1994 dan kemudian berpindah ke Papan Utama pada 1hb November 1999. Theta Edge Berhad telah dikategorikan di bawah sektor Teknologi, Bursa Malaysia.

### INFORMATION TECHNOLOGY & COMMUNICATIONS


Theta Edge Berhad (Theta Edge) was established in 1984. It is one of the pioneering Communications Technology Industry Service Providers in Malaysia. As a member of the **TH** Group, Theta Edge made its debut on the Second Board of Bursa Saham Kuala Lumpur on 1 March 1994, and subsequently on the Main Board on 1 November 1999. Theta Edge Berhad is categorised under Bursa Malaysia's Technology sector.

Visi Theta Edge ialah untuk menjadi syarikat yang terbaik di dalam Industri Teknologi Komunikasi di dunia, melangkaui bidang teknologi dan sempadan. Misi Theta Edge ialah untuk memacu inovasi dengan kesungguhan dan mewujudkan penyelesaian yang canggih untuk memperkayakan pelanggan dan pihak berkepentingan untuk menjadi yang terbaik.


Anak-anak syarikat Theta Edge terlibat dalam empat kompetensi utama dalam bidang Industri Teknologi Komunikasi seperti berikut:

1. Sistem Penyepaduan Penyelesaian Sistem
2. Pengagihan Produk
3. Pembangunan Aplikasi dan Harta Intelek
4. Pembekal Perkhidmatan

Theta Edge mempunyai seramai 268 orang tenaga pekerja yang terdiri daripada rakyat Malaysia. Ia diagihkan di bawah anak-anak syarikatnya iaitu Konsortium Jaya Sdn Bhd, Sistem Komunikasi Gelombang Sdn Bhd, Impianas Sdn Bhd, **TH** Computer Sdn Bhd, Hi Pro Edar (M) Sdn Bhd, THT Integrated Solutions Sdn Bhd dan **TH** 2.0 Sdn Bhd.



Theta Edge's vision is to become the world's best company in the Communication Technology Industry, breaking borders in the field of technology. Its mission is to drive innovation with passion and create sophisticated solutions to enrich customers and stakeholders alike.



Theta Edge's subsidiaries are involved in four main competencies in the Communication Technology Industry namely:

1. Integrated Systems Solution
2. Product Distribution
3. Intellectual Property and Application Development
4. Service Provider

Theta Edge employs 268 staff which consist of Malaysian citizens. They are divided amongst its subsidiaries including Konsortium Jaya Sdn Bhd, Sistem Komunikasi Gelombang Sdn Bhd, Impianas Sdn Bhd, **TH** Computer Sdn Bhd, Hi Pro Edar (M) Sdn Bhd, THT Integrated Solutions Sdn Bhd and **TH** 2.0 Sdn Bhd.



## INDUSTRI PELANCONGAN

**TH** Travel & Services Sdn Bhd (THTS) merupakan anak syarikat milik penuh **TH** yang ditubuhkan pada tahun 1972 dan menawarkan perkhidmatan perjalanan yang komprehensif meliputi haji, umrah, dan pelancongan. Aktiviti utama THTS merangkumi empat kategori perkhidmatan utama iaitu Haji, Umrah, Tiket dan Pelancongan.

Pecahan jualan untuk perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh THTS pada 2011 adalah seperti berikut:

The breakdown of sales for services provided by THTS in 2011 is as follows:

Aktiviti Activity	Peratusan Jualan Sales Percentage
Pakej Haji Hajj Package	51%
Umrah Umrah	29%
Pelancongan Tourism	2%
Tiket Ticketing	15%
Lain-Lain Others	3%

## TOURISM INDUSTRY

**TH** Travel & Services Sdn Bhd (THTS) is a wholly-owned subsidiary of **TH** which was established in 1972 and offers comprehensive travelling services covering hajj, umrah, and tourism. THTS' main activities encompass four major service categories namely Hajj, Umrah, Ticketing and Travel.

## Sektor Perkhidmatan Lain-Lain

### Other Services Sector



Dengan berteraskan konsep 5K iaitu Kemudahan, Keselesaan dan Keyakinan, Keupayaan dan Komitmen, THTS menyediakan perkhidmatan yang memenuhi permintaan dan keperluan pelanggan serta memahami keperluan umat Islam, terutama ketika melancong ke luar negara, dengan menyediakan pakej-pakej pelancongan yang mengutamakan penyediaan makanan halal serta jadual lawatan yang mesra solat. Ianya telah mendapat perhatian dan menerima beberapa pengiktirafan di dalam negara dan juga di peringkat antarabangsa.

Antara anugerah yang telah diperolehi oleh THTS termasuklah *MAS Outstanding Sales Achievement Award 2009* dan *2010* bagi Pejabat Wilayah Utara, Wilayah Tengah, Wilayah Selatan dan Wilayah Sarawak, *Malaysia Halal Excellence Award 2009 for Best Halal Tour Operator (IISTHAL 2009)* dan *The Halal Journal Award 2007 for Travel & Hospitality Category*.

Based on the 5C concept of Convenience, Comfort and Confidence, Capability and Commitment, THTS provides services that meet the demands and requirements of customers and cater to the needs of Muslims, especially during their travels abroad, through tour packages that prioritise the provision of halal food and tour schedules that allow for prayers. This effort has been recognised at both national and international levels.

Among the awards won by THTS are the 2009 and 2010 MAS Outstanding Sales Achievement Award for the Northern Region, Central Region, Southern Region and the Region of Sarawak; the 2009 Malaysia Halal Excellence Award for Best Halal Tour Operator (IISTHAL 2009), and the 2007 Halal Journal Award 2007 in the Travel & Hospitality Category.

## INDUSTRI MINYAK & GAS

Tabung Haji (**TH**) mencebur sektor minyak dan gas melalui penglibatan dalam industri sokongan marin dan fabrikasi. Industri sokongan marin telah menunjukkan prestasi yang memberangsangkan bagi tahun pertama operasi melalui **TH** Marine Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh **TH** dan **TH** Alam Holdings (L) Inc. – sebuah syarikat usahasama antara **TH** dan Alam Maritim Berhad.

**TH** Marine memiliki dua buah kapal Sokongan di Luar Persisiran Pantai (*Anchor Handling Tugs Supply*) (AHTS) dengan kuasa tarikan 100 metrik tan dan kadar penggunaannya telah mencapai sebanyak 82%. Bagi tahun 2012, kadar penggunaan dijangka akan lebih mencabar dengan beberapa kekangan yang sedang dihadapi oleh syarikat pengeluar minyak untuk meningkatkan aktiviti pembangunan pelantar minyak.

Sementara itu, syarikat usahasama, **TH** Alam yang memiliki empat buah AHTS dengan keupayaan kuasa tarikan 60 metrik tan dan telah mencatat kadar penggunaan sebanyak 82%. Pada tahun 2012, **TH** Alam dijangka akan menerima dua buah lagi kapal AHTS dengan keupayaan kuasa tarikan 120 metrik tan dan sistem *Dynamic Positioning* dua untuk memenuhi keperluan pembangunan dan operasi laut dalam.

Bagi industri fabrikasi, **TH** sedang menerajui pengstrukturkan semula syarikat bersekutu, Ramunia Holdings Berhad (Ramunia) yang terlibat dalam industri fabrikasi. Ramunia sedang melaksanakan rasionalisasi syarikat bagi mengukuhkan kedudukan kewangan dan penjenamaan semula dengan pertukaran nama kepada **TH** Heavy Engineering Bhd.

Pada tahun 2011, Ramunia telah mengorak langkah untuk mengaktifkan penglibatan syarikat dengan mengambil alih limbungan di Pulau Indah, Selangor yang menjalankan aktiviti fabrikasi untuk industri minyak & gas. Syarikat juga telah membeli kapal FPSO (*Floating, Production, Storage & Offloading Vessel*) untuk membida kontrak pengeluaran minyak.

## OIL & GAS INDUSTRY

**TH** is involved in the oil and gas sector through its participation in the marine support and fabrication industry. The marine support industry showcased a commendable performance in its first year of operations via **TH** Marine Sdn Bhd, a wholly-owned subsidiary of **TH** and **TH** Alam Holdings (L) Inc. – a joint venture between **TH** and Alam Maritim Berhad.

**TH** Marine has two support vessels offshore i.e. Anchor Handling Tugs Supply (AHTS) with a pulling power of 100 metric tonnes, and current utilisation rate of 82%. For 2012, the utilisation rate is expected to be more challenging with some constraints being faced by oil producers to increase oil platform development activities.

Meanwhile, the joint venture company, **TH** Alam, which owns four AHTS with a capacity of 60 metric tonnes of pulling power, has recorded a 82% utilisation rate. In 2012, **TH** Alam is expected to receive another two units of AHTS vessels with a capacity of 120 metric tonnes of pulling power and the Dynamic Positioning two to serve deep water development and operations.

In the fabrication industry, **TH** is leading a restructuring exercise for its associate, Ramunia Holdings Berhad (Ramunia), which is involved in the fabrication industry. Ramunia is currently implementing a rationalisation exercise to strengthen its financial position and is re-branding itself as **TH** Heavy Engineering Bhd.

In 2011, Ramunia began to activate its involvement by acquiring the shipyard in Pulau Indah, Selangor, which carried out fabrication activities for the oil & gas industry. The company also purchased the FPSO vessel (*Floating, Production, Storage & Offloading Vessel*) to bid for oil contracts.



## Sektor Perkhidmatan Lain-Lain

### Other Services Sector



#### INDUSTRI MAKANAN HALAL

**TH** Global Services Sdn Bhd (THGS), sebuah anak syarikat milik penuh Tabung Haji (**TH**), kini giat melibatkan diri dalam industri perkhidmatan makanan halal. Dalam masa yang sama THGS telah mengembangkan aktiviti-aktiviti syarikat di dalam sektor perkhidmatan makanan di peringkat tempatan dan di peringkat antarabangsa.

#### Perkhidmatan Makanan Tempatan

Bagi sektor perkhidmatan makanan tempatan, kafeteria THGS Global yang telah dua tahun beroperasi di Bangunan **TH** seperti Ibu Pejabat Jalan Tun Razak, TAHA D' KELANA di Kelana Jaya dan TAHA D' MUTIARA di Bayan Lepas, menyediakan perkhidmatan makanan 'Room Service' untuk sarapan pagi, makan tengahari, minum petang di samping hidangan 'ala carte' yang beraneka rasa dan berkualiti serta berkonseptkan 1 Malaysia.

#### HALAL FOOD INDUSTRY

**TH** Global Services Sdn Bhd (THGS), a wholly-owned subsidiary of **TH**, is now actively involved in the food service and halal food industry. At the same time, THGS has now expanded the company's activities in the food service sector locally and internationally.

#### Local Food Service

In the local food service sector, THGS cafeteria which has been operating for two years at **TH**'s buildings such as the Headquarters at Jalan Tun Razak, TAHA D'KELANA at Kelana Jaya and TAHA D' MUTIARA at Bayan Lepas, provides room service for breakfast, lunch and tea apart from 'ala carte' servings of an array of tasty and quality dishes inspired by the 1 Malaysia concept.

THGS Global juga menyediakan perkhidmatan katering untuk majlis perkahwinan, seminar, ceramah dan persidangan di dewan-dewan dalam bangunan **TH**. Dalam masa yang sama perkhidmatan katering ini juga disediakan untuk agensi-agensi kerajaan, korporat-korporat dan individu-individu di mana-mana lokasi pilihan pelanggan.

### **Perkhidmatan Makanan Luar Negara**

Bagi perkhidmatan makanan di peringkat antarabangsa khususnya Arab Saudi, THGS telah diberi mandat untuk menguruskan penyediaan sajian makanan bagi memenuhi keperluan dan citarasa para jemaah haji muassasah kendalian **TH**.

Katering Haji ini telah dijalankan melalui usahasama katerer tempatan di Arab Saudi bagi menguruskan perkhidmatan makanan bagi jemaah-jemaah muassasah dibawah kelolaan **TH** di Makkah, Madinah dan Jeddah. THGS juga turut menguruskan 15 kafeteria makanan di bangunan-bangunan penginapan jemaah haji di Makkah sebagai pilihan tambahan kepada jemaah haji yang ingin menikmati pelbagai aneka citarasa masakan Malaysia.

### **Produk Makanan dan Minuman TaHa**

THGS sedang berusaha memperluaskan dan mempelbagaikan rangkaian produk di bawah jenama TaHa. THGS akan memberi keutamaan kepada produk-produk yang menjadi keperluan dalam setiap sajian harian untuk semua golongan masyarakat samada yang tinggal di Malaysia dan luar negara. THGS akan memastikan setiap produk di bawah jenama TaHa diperbuat dan dipasarkan berlandaskan konsep Syariah Halal dan Toyib.



THGS Global also provides catering services for weddings, seminars, lectures and conferences that are held in the halls of **TH**'s building. At the same time, the catering service is also available for government agencies, corporate organisations and individuals at any location of their choice.

### **Overseas Food Service**

For food services at international level, particularly Saudi Arabia, THGS has been mandated to manage the provision of meals that meet the needs and preferences of the Muassasah pilgrims under the care of **TH**.

Hajj Catering was carried out through a joint venture with local Saudi Arabian caterers who handled food services for the Muassasah congregations under the supervision of **TH** in Mecca, Medina and Jeddah. THGS also managed 15 cafeterias in the buildings accommodating the pilgrims in Mecca as an additional option to pilgrims who wish to enjoy a wide variety of Malaysian cuisine.

### **TaHa Food and Beverages**


THGS is looking to expand and diversify its product range under the brand name TaHa. THGS will give precedence to daily staple food products for communities who are either living in Malaysia or overseas. THGS will ensure that every product under the TaHa brand are made and marketed based on the Shariah concept of Halal and Toyib.

# Perkhidmatan Haji

## Hajj Service

Perkhidmatan pengurusan haji merupakan teras utama penubuhan Tabung Haji (**TH**). Alhamdullillah, hasil komitmen semua pihak yang terlibat dan berkat doa para pendeposit dan anggota **TH**, operasi Musim Haji **1432H** telah berjaya dilaksanakan dengan baik.

Hajj management services are the main thrust of Tabung Haji's (**TH**) establishment. Alhamdulillah, with the sheer commitment of all parties involved and the prayers of depositors and all **TH** staff, the **1432H** Hajj Operations was successfully implemented.



### OPERASI HAJI 1432H

Operasi Haji 1432H bermula dengan penerbangan pertama ke Tanah Suci pada 29 September 2011 dan berakhir dengan penerbangan pulang ke Tanah Air pada 11 Disember 2011. Penerbangan cartar jemaah haji Malaysia dikendalikan oleh Malaysia Airlines dan Saudi Arabian Airlines.

Kerajaan Arab Saudi telah meningkatkan kuota rasmi Jemaah Haji Malaysia dari 26,000 orang kepada 27,900 orang, berdasarkan 0.1% perangkaan terkini (mengikut daftar *United Nations*) penduduk Malaysia berjumlah 27.9 juta orang. Kategori jemaah haji Malaysia terdiri daripada Jemaah Haji Muasassah, Jemaah Haji Pakej THTS dan Jemaah Haji dibawah kelolaan 27 Agensi Pelancongan Swasta yang telah dilesenkan oleh **TH** sebagai Pengelola Jemaah Haji (PJH).

### 1432H HAJJ OPERATIONS

The 1432H Hajj Operations began with the first flight departure to the Holy Land on 29 September 2011 and ended with the arrival of the last return flight on 11 December 2011. The chartered flights carrying the Malaysian Hajj Pilgrims were operated by Malaysia Airlines and Saudi Arabian Airlines.

The Saudi Arabian government had increased the official quota for Malaysian hajj pilgrims from 26,000 to 27,900 based on the 0.1% of the latest statistics (based on United Nation's register) that recorded the Malaysian population at about 27.9 million people. The Malaysian hajj pilgrims were categorised as either Muasassah Hajj Pilgrims, THTS Package Hajj Pilgrims and Hajj Pilgrims under the management of 27 private travel agencies licensed by **TH** as Hajj Pilgrims Organiser (PJH).



Bayaran Haji untuk Jemaah Haji Muassasah pertama kali ialah RM9,980 seorang (tanggungan **TH** berjumlah RM4,360), manakala jemaah haji kali kedua ialah RM14,340 seorang (iaitu merupakan Kos Langsung Haji sebenar). Peraturan baru telah diperkenalkan bagi pendaftaran dan pemilihan bakal haji mulai tahun 2011 di mana pendaftaran semula bakal haji hanya boleh dibuat selepas lima tahun daripada haji yang terakhir, dan pemilihan bakal haji hanya kepada yang telah mencapai usia 15 tahun ke atas.

### **OPERASI MASYA'IR:**

Secara umumnya, operasi Masya'ir berjalan lancar dan di bawah tiga aturan pusingan, semua jemaah haji telah dibawa ke Arafah dengan menggunakan bas-bas yang disediakan. Waktu Wuquf di Arafah bermula selepas gelincir matahari 9 Zulhijjah hingga terbit fajar 10 Zulhijjah (4 & 5 November 2011). Pengisian ibadah pada hari wuquf dibimbing oleh kumpulan Pembimbing Ibadat Haji di setiap maktab.

Pergerakan jemaah haji dari Arafah ke Muzdalifah bermula pada petang 9 Zulhijjah menggunakan bas ulang alik di bawah Sistem Taraduddiah di mana semua jemaah haji selamat tiba di Muzdalifah sebelum waktu Bermabit yang bermula pada jam 11.28 malam.

The Hajj fees for first time pilgrims under the Muassasah category is RM9,980 per person (a total of RM4,360 is subsidised by **TH**), whilst repeat pilgrims are charged RM14,340 per person (the actual Hajj Direct Cost). New guidelines were introduced in 2011 whereby the re-registration of repeat pilgrims can only be done five years after his/her last pilgrimage, and the selection of prospective hajj pilgrims will only be among aged 15 years and above.

### **MASYA'IR OPERATIONS:**

In general, the Masya'ir operations went well and smoothly. All pilgrims were transported to Arafah in three trips on designated buses. The Wuquf in Arafah began at noon on 9 Zulhijjah until sunrise on 10 Zulhijjah (4 & 5 November 2011). Ibadah fulfillment on the day of Wuquf was guided by the Hajj Ibadah Guide team at each maktab.

The movement of the Muassasah hajj pilgrims from Arafah to Muzdalifah began in the evening of 9 Zulhijjah on board shuttle buses under the Taraduddiah system. All the hajj pilgrims arrived at Muzdalifah before the time for Bermabit which began at 11.28 in the evening.

# Perkhidmatan Haji


## Hajj Service

Pergerakan jemaah haji dari Muzdalifah ke Mina bermula pada 12.30 pagi 10 Zulhijjah (6 November 2011) dan semua jemaah Haji selamat tiba di perkhemahan Mina pada jam 9.30 pagi hari yang sama. Urusan melontar telah diatur secara kumpulan mengikut maktab masing-masing dengan berpandukan jadual melontar yang dikeluarkan oleh Kementerian Haji Arab Saudi.

### PENAMBAHBAIKAN DALAM MUSIM HAJI 1432H:

Beberapa penambahbaikan telah dilaksanakan di Tanah Air seperti Kursus Pengukuhan Petugas Haji dengan modul simulasi Operasi Masya'ir dan Kelas Fardhu Ain untuk bakal haji yang memerlukan. Di Tanah Suci pula, ianya meliputi peningkatan aplikasi Teknologi Maklumat seperti persidangan video, Skrin Media Digital Interaktif, penggunaan talian data Internet Jalur Lebar, Sistem Maklumat Operasi Bersepadu dan Sistem Boarding Pass. Pasukan Kaunter Bergerak untuk pengeluaran wang di bangunan penginapan dan di Hospital Malaysia di Arab Saudi serta kemudahan debit akaun jemaah haji untuk bayaran bagasi turut disediakan.

Selain itu, **TH** juga telah mewujudkan pasukan penyelamat bermotosikal semasa Operasi Masya'ir, kenderaan khas untuk menghantar Jemaah Haji tersasar, kerusi lipat di musolla untuk Jemaah Haji yang uzur dan program-program ibadah tambahan seperti Program Forum Perdana, 6 Siri Program Bicara Mabrus Haji di Mina serta Program Ziarah Mahabbah As-Syifa' ke Pusat Rawatan Syisyah dan Hospital Aziziah di samping Program Sahabat Ibadah **TH**.



The movement of the hajj pilgrims from Muzdalifah to Mina began at 12.30 in the morning of 10 Zulhijjah (6 November 2011) and all the pilgrims arrived safely at the Mina campsite at 9.30 in the same morning. The pelting of pebbles was organised by groups according to their respective Maktabas, following the schedule issued by the Saudi Hajj Ministry.

### IMPROVEMENTS FOR THE 1432H HAJJ SEASON

Several improvements were carried out in the country including Kursus Pengukuhan Petugas Haji with a simulation of the Masya'ir Operations and Fardhu Ain classes for selected impending pilgrims. Whilst in the Holy Land, enhancements include the video conferencing, Interactive Digital Media Screens, broadband Internet, Central Operations Information System and Boarding Pass System. A Mobile Counter Team for withdrawal of funds at accommodations and the Malaysian Hospital in Saudi Arabia as well as debit account facility for the baggage handling fees.

Beyond this, **TH** also formed a rescue team on motorcycles during the Masya'ir Operations, provided special vehicles to transport displaced hajj pilgrims, foldable chairs at the musolla for hajj pilgrims who are ill, and organised additional ibadah programmes such as Forum Perdana, the 6-series Bicara Mabrus Haji in Mina and Ziarah Mahabbah As-Syifa' at the Syisyah Treatment Center and Aziziah Hospital, as well as the **TH** Sahabat Ibadah Programmes.



Sekembalinya Jemaah Haji ke Tanah Air, buat pertama kalinya **TH** telah mengadakan Program Himpunan Persaudaraan Hujjaj Peringkat Negeri (Hishaj), antara lain bertujuan untuk merapatkan hubungan persaudaraan sesama mereka.

## PENCAPAIAN OPERASI HAJI

Bagi tahun 2011, Perkhidmatan Haji (Pengurusan dan Operasi Perkhidmatan Haji di Malaysia dan Arab Saudi) telah dikekalkan perakuan Pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2008 (SPK ISO PH) oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. Pencapaian Indeks Prestasi Perkhidmatan Haji (IPPH) 94.94% iaitu melebihi sasaran 91.44% yang ditetapkan. Kejayaan operasi haji musim ini adalah hasil komitmen oleh semua petugas haji dengan moto "Bersama Santuni Dhuyufurrahman". Mereka terdiri daripada Petugas Kebajikan **TH**, Perubatan, THTS, **TH** Global Services, Pengelola Jemaah Haji (PJH) dan Agensi Luar seperti Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Kebajikan Masyarakat/Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT), Bhg. Agama & Kaunseling (BAKA) PDRM, syarikat-syarikat media massa, syarikat teknologi maklumat, Jabatan Imigresen dan Pihak Berkuaasa Arab Saudi yang saling bekerjasama sejak 50 tahun yang lalu.

Upon returning to the country, **TH** for the first time had organised the Himpunan Persaudaraan Hujjaj Peringkat Negeri (Hishaj) programme, in hope of maintaining relationships formed among the pilgrims.

## HAJJ OPERATIONS ACHIEVEMENTS

In 2011, the Hajj Management (Hajj Management and Operations in Malaysia and Arab Saudi) successfully maintained its ISO 9001:2008 Quality Management System certification (SPK ISO PH) by SIRIM QAS International Sdn Bhd. The Hajj Services Performance Index (IPPH) recorded 94.94%, which exceeded its target of 91.44%. The success of this season's hajj operations is due to the sheer commitment of all the hajj workforce who live up to the motto "Bersama Santuni Dhuyufurrahman". The hajj workforce consisted of **TH** Welfare workforce, Medics, THTS, **TH** Global Services, Hajj Pilgrims Organisers (PJH) and external agencies such as the National Registration Department, Social Welfare Department/ Military Religious Corps (KAGAT), Religious & Counselling Division (BAKA) of the Royal Malaysian Police (PDRM), mass media, information technology companies, the Immigration Department and the Saudi Arabian authorities with whom co-operative ties date back as far as 50 years.

# Perkhidmatan Pelanggan

## Customer Service

### PENCAPAIAN AHLI BARU

Pada tahun 2011, Pelan 50 (perancangan sasaran 50% umat Islam di Malaysia menjadi pendeposit **TH**) telah merekodkan prestasi tertinggi dalam sejarah penubuhan **TH**. Berkat usaha yang agresif dari semua Cawangan **TH**, bilangan pendeposit baru berjumlah 1.44 juta ahli. Sehingga akhir 2011, jumlah pendeposit **TH** adalah seramai 6.96 juta orang.

### NEW MEMBERS REGISTRATION

In 2011, Plan 50 (a plan to sign up 50% of the Muslim population in Malaysia as **TH** depositors) has recorded an all time high in the history of **TH**'s establishment. With aggressive efforts undertaken by all **TH** Branches, the number of new depositors increased by 1.44 million. As of end 2011, **TH** had a total of 6.96 million depositors.



### MELUASKAN AKSES PERKHIDMATAN

Perkembangan akses perkhidmatan adalah agenda utama Program Rasionalisasi **TH** yang dilaksanakan sejak tahun 2008. **TH** telah menjalinkan kerjasama strategik dengan Bank Islam, Bank Rakyat dan Maybank Islamic untuk memperkembangkan saluran perkhidmatannya. Langkah ini memudahkan pendeposit **TH** mengakses akaun **TH** melalui kaunter-kaunter dan pusat-pusat perbankan elektronik 24 Jam (ATM/CDM), ketiga-tiga bank tersebut.

### EXPANDING SERVICE ACCESS

The expansion of service access has been the main agenda of **TH**'s Rationalisation Program since its inception in 2008. **TH** has developed strategic co-operations with Bank Islam, Bank Rakyat and Maybank Islamic in expanding its service channels. This measure enables **TH** depositors to access their accounts via the three banks' counters and 24-hour electronic banking centres (ATM/CDM).



# TABUNG HAJI



Perkhidmatan Uniteller ini menghubungkan kad bank tersebut kepada akaun **TH** yang memboleh transaksi pengeluaran, simpanan, pindahan, semakan baki akaun dan pendaftaran haji dilakukan. Program kerjasama strategik ini membolehkan pendeposit **TH** berurus dengan 3847 ATM, 1381 CDM dan 258 kaunter, meningkatkan akses saluran perkhidmatan kepada 5468.

## KELAB TaHa

Kelab TaHa ditubuhkan untuk mendidik golongan muda amalan menabung dan mendekati serta memperkenalkan **TH**. Pada tahun 2011, pendaftaran ahli baru Kelab TaHa berjumlah 299 ribu orang, menjadikan jumlah terkumpul sebanyak 919 ribu ahli. Program Kelab TaHa memberi keutamaan kepada pencapaian akademik, kreativiti dan kerohanian.

Program-program khusus bagi meningkatkan pencapaian akademik melalui seminar bimbingan peperiksaan UPSR, PMR dan SPM diadakan sebanyak 14 siri diseluruh Negara. Bagi meningkatkan kualiti keperibadian dan jati diri para pelajar, Kelab TaHa telah menganjurkan enam siri Kem Bijak TaHa dan 10 siri Komik TaHa yang berunsurkan nasihat.



The Uniteller service links bank cards to **TH** accounts which enable transactions such as withdrawals, deposits, funds transfer, account balance checking and hajj registration. This tie-up gives depositors access to 3847 ATMs, 1381 CDMs and 258 counters, which brings the number of service channels to 5468.

## KELAB TaHa

Kelab TaHa was established to help inculcate the culture of savings amongst youths apart from being a means to introduce **TH** to the younger generation. In 2011, Kelab TaHa registered 299 thousand new members, which brings the overall total of members to 919 thousand. The programs carried out by Kelab TaHa are mainly focused on academic, creativity and spiritual achievements.

Specific programs aimed at improving academic performance included UPSR, PMR and SPM seminars which were conducted all over the country in 14 series. To enhance students' interpersonal qualities, Kelab TaHa had organised six series of Kem Bijak TaHa and 10 series of Komik TaHa, which revolved around the teaching of good values.

## Perkhidmatan Pelanggan

### Customer Service

Bagi meningkatkan kreativiti dikalangan pelajar, pelbagai peraduan seperti penulisan cerpen TaHa, penciptaan kad raya Jawi dan Jom Kenali Tokoh-tokoh Islam telah diadakan. Kelab TaHa juga memberikan penghargaan kepada ahli-ahli kelabnya yang mendapat keputusan cemerlang dalam akademik membabitkan 50 pelajar UPSR, 30 pelajar PMR dan 20 pelajar SPM.

#### TaHa@U

Penubuhan TaHa@U bertujuan untuk mendampingi golongan muda yang sedang mengikuti pengajian di institusi pengajian tinggi awam dan swasta (IPTS/IPTA). Sejak pelancarannya pada bulan Mei 2010, bilangan keseluruhan ahli TaHa@U adalah berjumlah 125 ribu orang di mana tahun 2011 telah merekodkan seramai 112 ribu ahli baru.

Bagi memperkenalkan dan menarik minat pelajar-pelajar IPT kepada TaHa@U, **TH** telah menganjurkan beberapa program akademik, kerjaya, sukan dan tanggungjawab sosial seperti enam siri Karnival TaHa@U, dua siri karnival bimbingan kerjaya, Kejohanan Futsal Piala TaHa di UKM, Program Ramadhan di Rumah Anak-anak Yatim Nur Hikmah, Kajang dan Program Korban di UNITEN.

#### PERKHIDMATAN RANGKAIAN TaHa

Pada tahun 2011, penjenamaan semula Rangkaian TaHa telah diperkenalkan dengan menambahbaik dan melengkapkan kemudahan fasiliti hospitaliti rangkaian tersebut. Pada masa ini, rangkaian TaHa yang meliputi TAHA D' KELANA (Kelana Jaya), TAHA D' MUTIARA (Bayan Lepas) dan TAHA D' BAYU (Kota Kinabalu) menawarkan pelbagai perkhidmatan hospitaliti meliputi bilik penginapan, bilik seminar, pakej perkahwinan, dewan serbaguna dan sebagainya pada kadar yang berpatutan.



In terms of creativity enhancement, various competitions such as short story writing, raya card design in Jawi and Jom Kenali Tokoh-tokoh Islam were organised. Kelab TaHa also acknowledges its members who had achieved excellent results in their respective examinations, this included 50 UPSR students, 30 PMR students and 20 SPM students.

#### TaHa@U

TaHa@U was established as a means to get closer to youths who are studying at public and private institutions of higher learning (IPT). Since its inception in May 2010, TaHa@U had roped in a total of 125 thousand members of which 112 thousand were registered in 2011.

To introduce and attract IPT students to TaHa@U, **TH** had organised several academic, career, sports and social responsibility programmes which include six TaHa@U carnivals, two career guidance carnivals, the TaHa Cup Futsal Tournament in UKM, Ramadhan Program at Rumah Anak-anak Yatim Nur Hikmah, Kajang and Qurban Program at UNITEN.

#### TaHa SERVICES NETWORK

In 2011, the TaHa Network of services was re-branded to include improvements on its hospitality facilities. Currently, the TaHa network that covers TAHA D' KELANA (Kelana Jaya), TAHA D' MUTIARA (Bayan Lepas) and TAHA D' BAYU (Kota Kinabalu) offers various hospitality services including accommodation, seminar rooms, wedding packages, multipurpose hall and many others at an affordable rate.

## TABUNG HAJI CONTACT CENTRE (THCC)

Sejak penubuhannya pada tahun 2007, THCC berfungsi sebagai Pusat Panggilan Setempat bagi memudahkan proses penyebaran maklumat secara cepat, tepat dan seragam serta maklum balas kepada pendeposit. Perkhidmatan THCC yang disediakan oleh VADS telah menerima anugerah "Gold Award and Ranked #1 – Best Small Contact Centre (Outsourced) Asia Pacific 2011" di Gold Coast, Australia dan "Gold Award and Ranked #1 – World Best Small Contact Centre (Outsourced)" di World Contact Centre Conference, Las Vegas, USA.

## INDEKS KEPUASAN PELANGGAN

**TH** sentiasa menilai persepsi pelanggan ke atas kualiti perkhidmatan kaunter **TH** di seluruh Negara dengan menjalankan 3 soal selidik pada tahun 2011. Pencapaian soal selidik menunjukkan lebih 95% pelanggan **TH** berpuas hati dengan perkhidmatan pelanggan dan kaunter **TH**.

Jadual pencapaian 3 soal selidik tersebut adalah seperti berikut:

Below are the results of the three surveys:

Skop Analisa Scope of Analysis	Kaji selidik 1 Survey 1	Kaji selidik 2 Survey 2	Kaji selidik 3 Survey 3	Purata Average
Perkhidmatan Kaunter Counter Service	98.77%	97.85%	98.50%	98.37%
Standard Perkhidmatan Pelanggan Customer Service Standard	96.79%	97.31%	96.94%	97.01%



## TABUNG HAJI CONTACT CENTRE (THCC)

Since its inception in 2007, THCC has been functioning as a One Stop Call Centre which facilitates the dissemination of information in a fast, accurate and uniformed manner apart from managing depositors' feedback. The THCC service provided by VADS has bagged the Gold Award and Ranked #1 – Best Small Contact Centre (Outsourced) Asia Pacific 2011 in Gold Coast, Australia and the Gold Award and Ranked #1 – World Best Small Contact Centre (Outsourced) at the World Contact Centre Conference, Las Vegas, USA.

## CUSTOMER SATISFACTION INDEX

**TH** continues to review customers' perception of its counter service quality throughout the country by conducting three surveys in 2011. The findings showed that 95% of **TH** customers are satisfied with **TH**'s counter and customer service.

# Tanggungjawab Sosial Korporat

## Corporate Social Responsibility

Tabung Haji (**TH**) sebagai sebuah organisasi Islam yang prihatin dan bertanggungjawab, sentiasa peka terhadap apa yang berlaku di persekitaran operasinya. Kejayaan **TH** adalah hasil sokongan padu dari semua umat Islam negara ini. Matlamat penubuhan **TH** dengan sendirinya memberi penekanan bahawa **TH** adalah sebuah organisasi Islam yang bertanggungjawab untuk memudahkan urusan umat Islam menyempurnakan rukun Islam yang ke-lima dan melonjakkan penglibatan umat Islam di dalam perkembangan ekonomi serantau.

As a caring and responsible Islamic organisation, **TH** is constantly aware of the circumstances surrounding its operations. **TH's** success is a direct result of the sheer support it receives from the Muslim community in this country. The objective of **TH's** establishment underlines its role as an Islamic organisation that is responsible in facilitating the Muslims in performing their hajj, apart from propelling their involvement in the regional economy's development.



**TH** percaya bahawa kelestarian organisasi ini bergantung kepada kecemerlangan perkhidmatannya dan penjanaan aktiviti ekonomi yang melibatkan ummah, untuk merealisasikan manfaat simbiotik berterusan. Menyedari hakikat ini **TH** melibatkan diri dan menyokong usaha-usaha pemegang berkepentingan dalam memastikan peningkatan status sosio-ekonomi mereka. Penumpuan aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat **TH** melibatkan penghasilan impak positif terhadap pihak berkepentingan **TH** yang terdiri daripada masyarakat, para pendeposit dan anggotanya.

**TH** believes that the organisation's sustainability depends largely on the excellence of its services and economic activities involving the ummah, in realising continuous symbiotic benefits. In cognisance of this, **TH** extends its support and participates in various efforts to enhance the socio-economic conditions of its stakeholders. **TH's** Corporate Social Responsibility initiatives are aimed at positively impacting its stakeholders, which consist of the general public, depositors and **TH** staff.



## PENGAGIHAN DANA ZAKAT

Sebagai sebuah organisasi Islam, **TH** bertanggungjawab untuk menyempurnakan kewajipan dan tanggungjawab mengagihkan dana zakatnya. Dana zakat **TH** pada tahun 2011 berjumlah RM44 juta telah diagihkan kepada pihak berkuasa pungutan zakat negeri-negeri di seluruh Malaysia. Pembayaran zakat tersebut adalah berdasarkan jumlah baki terkumpul purata minima dana deposit di setiap negeri. Dengan pengagihan ini **TH** berharap segala usaha Majlis Agama Islam Negeri-negeri untuk membantu dan meningkatkan status sosio-ekonomi umat Islam di negeri tersebut dapat dijalankan dengan lebih sempurna.

## INITIATIF PENGAWALAN KOS HAJI

Perkhidmatan pengurusan Haji adalah aktiviti utama **TH** dan setiap tahun **TH** berusaha untuk memastikan kos mengerjakan haji sentiasa dikawal. Namun begitu kos mengerjakan haji meningkat setiap tahun disebabkan peningkatan kos pengangkutan dan penginapan. Sebagai sebuah organisasi yang prihatin, **TH** telah menanggung kenaikan kos haji supaya bayaran haji kekal pada tahap RM9980 seorang. Walaubagaimanapun, kos tanggungan haji ini hanya diberikan kepada jemaah yang menunaikan haji buat pertama kali sahaja. Kos tanggungan haji pada musim haji 1432H adalah RM105 juta berbanding RM65 juta untuk musim 1431H.

## DISTRIBUTION OF ZAKAT

As an Islamic organisation, **TH** responsibly fulfills its obligation with regards to zakat distribution. **TH**'s zakat funds for 2011, amounting RM44 million, have been distributed to the respective state zakat collection centers all over Malaysia. The zakat distribution is based on the depositors' average minimum accumulated savings balance for each state. With the distribution, it is hoped that the State Islamic Religious Councils' efforts in enhancing the socio-economic conditions of the Muslims in this country will be better facilitated.

## HAJJ COST CONTROL INITIATIVE

Haji management services are at the core of **TH**'s activities and **TH** to its best ability ensures that the cost of performing haji is well under control each year. Nevertheless, the cost of performing haji is constantly increasing each year due to the increase in the cost of accommodation and transportation. As a caring organisation **TH** had subsidised the incremental cost of performing haji to ensure that the haji fees remain RM9980 per person. However, the subsidy is only applicable for first time pilgrims only. Cost of performing haji for the 1432H haji season is RM195 million compared to RM65 million during the 1431H haji season.

# Tanggungjawab Sosial Korporat

## Corporate Social Responsibility

### MASYARAKAT

Tabung Haji juga melibatkan diri dalam program-program pembangunan am dan ekonomi masyarakat Islam di seluruh Negara. Penerima sumbangan tersebut terdiri dalam kalangan masjid-masjid, institusi-institusi Islam, sekolah-sekolah Agama, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan rumah-rumah kebajikan. Program pembangunan ummah, pendidikan dan golongan kurang bernasib baik diberi keutamaan selari dengan matlamat Tanggungjawab Sosial Korporat **TH**.

### IHYA RAMADHAN

**TH** telah mewujudkan program Ihya Ramadhan bagi membantu golongan miskin tegar, ibu tunggal dan anak-anak yatim piatu terutama sekali di bulan yang mulia ini. **TH** menghulurkan bantuan dalam bentuk wang tunai dan keperluan harian untuk meringankan beban harian dan memberi kegembiraan kepada mereka. Sebahagian daripada sumbangan wang tunai tersebut adalah daripada agihan dana zakat **TH**.



### COMMUNITY

Tabung Haji is also involved in economic and general development programmes for Muslims all over the country. The recipients of the contributions include mosques, Islamic institutions, religious schools, non-governmental organisations as well as welfare centers. Programmes aimed at developing the ummah, education and aid for the less fortunate are given utmost priority in line with the objectives of **TH**'s Corporate Social Responsibility initiatives.

### IHYA RAMADHAN

The Ihya Ramadhan programme is organised by **TH** as a means to help the hardcore poor, single mothers and orphans especially during the holy month. **TH** extends its assistance in the form of financial aid and contribution of goods so as to lessen the burden of those less fortunate and to share the joy that the holy month brings. A portion of the financial aid is from **TH**'s zakat distribution.

## SAHABAT KORPORAT

Program Sahabat Korporat yang diselaraskan oleh **TH**, adalah bertujuan untuk memberi sumbangan yang dapat memberi keselesaan kepada bakal jemaah-jemaah Haji untuk mengerjakan Haji. Ianya juga adalah program yang hasil dari keprihatinan masyarakat, syarikat swasta dan persendirian serta badan-badan korporat yang berurusan dengan **TH**, yang ingin turut menyumbang kepada bakal Jemaah Haji. Sebagai sebuah organisasi yang mempromosikan nilai-nilai murni kepada dan daripada semua pihak berkepentingan **TH**, aktiviti tersebut diharapkan dapat menyemarakkan semangat kesatuan ummah. Program Sahabat Korporat berjaya mengumpul sumbangan barang bernilai RM9.6 juta yang telah diedarkan kepada semua Jemaah Muasassah pada Musim Haji 1432H.

## SAHABAT KORPORAT

The Sahabat Korporat programme organised by **TH** is aimed at providing the necessary essentials that would make the journey of the Hajj Pilgrims more comfortable. It is also a medium for caring communities, private companies, corporate bodies as well as **TH** stakeholders to extend their contributions to the prospective Hajj Pilgrims. As an organisation that promotes good values to and from its stakeholders, the initiative is hoped to accentuate the spirit of unity amongst the ummah. The Sahabat Korporat program managed to collect a donation of goods valued at RM9.6 million, which have been distributed to all the Muasassah Pilgrims for the 1432H Hajj Season.



# Ulasan Operasi Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif

## Operational Review Group Managing Director and Chief Executive Officer

### MASA HADAPAN

Dalam keadaan iklim pelaburan global dan domestik yang tidak menentu, ditambah faktor-faktor sosial dan politik dunia yang mencabar, mengekalkan kejayaan besar yang telah di kecapi adalah cabaran terbesar **TH**. Dunia pelaburan tanpa sempadan pada hari ini memerlukan kecekapan dan kepakaran yang tinggi dalam membuat penilaian. Percaturan dan strategi untuk mencapai keputusan terbaik harus berpaksikan kepakaran ilmu dan kesabaran.

Pelan Perniagaan **TH** (2012-2016) untuk lima tahun ke hadapan masih berteraskan kepada empat tema utama iaitu Pertumbuhan, Pengurusan Modal Insan, Hubungan Pihak Berkepentingan & Tadbir Urus Korporat dan Proses Pengurusan Risiko & Teknologi. Strategi-strategi yang mantap dengan penambahbaikan telah dirangka mengambil kira faktor persekitaran yang sentiasa berubah dan cabaran mendatang di masa hadapan.

**TH** akan terus berusaha untuk mensasarkan pulangan kadar bonus kepada para pendeposit yang melebihi kadar pulangan simpanan Perbankan Islam bagi memastikan ianya kekal relevan.

Pembangunan Modal Insan yang menekankan aspek kerohanian, jati diri dan integriti akan dipertingkatkan demi menjaga kepentingan **TH** sebagai sebuah organisasi Professional Muslim yang dipupuk selama ini.

### PENGHARGAAN

Saya mewakili Pengurusan Kanan dan semua anggota **TH** merakamkan jutaan terima kasih kepada Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Haji Baharom, para Jemaah Menteri-menteri Kabinet dan Kerajaan Malaysia di atas kepercayaan, sokongan dan dorongan yang telah diberikan bagi memastikan **TH** tetap berkembang selaras dengan inspirasi kerajaan untuk menjadikan **TH** sebuah Institusi Islam yang unggul dan maju.

### OUTLOOK

In the current unpredictable global and domestic investment climate, confronted by complex social and political factors worldwide, maintaining its exceptional success is a big challenge for **TH**. The borderless world of investment today requires heightened efficiency and expertise in making calculated assessments. Strategies to achieve the best results must be based on in-depth knowledge, proficiency and forbearance.

**TH**'s Business Plan (2012-2016) for the next five years is still based on the four main themes of Growth, Human Capital Management, Stakeholders Relations & Corporate Governance and Risk Management Process & Technology. Well-established and enhanced strategies have been formulated by taking into account surrounding factors and upcoming challenges.

**TH** will continue to aim for bonus return rates that exceed the Islamic Banking's deposit return rates to ensure that it remains relevant.

Human Capital Development that underlines spiritual and interpersonal aspects as well as integrity will be emphasised to safeguard **TH**'s interest and long established reputation as a Professional Muslim organisation.

### ACKNOWLEDGEMENT

On behalf of the Senior Management and all **TH** staff, I would like to express my utmost appreciation to our Prime Minister, YAB Dato' Seri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak, the Minister in the Prime Minister's Department, YB Major General Dato' Seri Jamil Khir Haji Baharom, all Cabinet Ministers and as well as the Malaysian Government for their trust, support and encouragement in ensuring **TH**'s growth in line with the government's aspirations to transform **TH** into a distinguished and progressive Islamic institution.

Penghargaan yang tinggi diberikan kepada semua Ahli Lembaga Pengarah, Ahli Panel Pelaburan dan Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah yang telah banyak membantu Pengurusan Kanan **TH** dalam melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada kami.

Terima kasih juga kami ucapkan kepada para pendeposit atas kepercayaan dan sokongan yang diberikan. Kami akan terus berusaha untuk meningkatkan mutu perkhidmatan demi memenuhi ekspektasi para pendeposit. Tidak ketinggalan terima kasih diucapkan kepada semua agensi kerajaan, swasta, badan-badan korporat dan masyarakat umum atas kerjasama dan sokongan yang telah diberikan.

Ucapan penghargaan turut dipanjangkan kepada semua anggota **TH** yang telah melaksanakan segala amanah yang diberikan dengan penuh dedikasi dan berintegriti. Semoga Allah SWT sentiasa memberkati segala usaha yang telah dan akan dilaksanakan agar mendapat keberkatan di dunia dan akhirat, InsyaAllah.

Sekian Terima Kasih.

My utmost gratitude also goes out to all the members of the Board of Directors, Investment Panel and Board Committees for assisting the Senior Management of **TH** in fulfilling our obligations.

